

ثقیقن تیتہ

PETIKAN TITAH

"PEMBINAAN bangsa hendaklah menitikberatkan kepada pendidikan dan pembelajaran, jika elok dan berjaya pendidikan dan pembelajaran itu, maka berjaya lah bangsa dan negara." - Titah Sempena Menyambut Tahun Baru Hijrah 1428 pada 1 Muharam 1428 / 19 Januari 2007.

Pelita BRUNEI

قلیتا برونی

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



مانیسن ایمان

MANISNYA IMAN

"SESUNGGUHNYA orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka, adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah dan mereka itulah orang-orang yang berjaya." - (Surah At Taubah ayat 20).

TAHUN 54 BILANGAN 102

23 DISEMBER 2009/1431 6 محرم

EDISI RABU

PERCUMA

Kerjasama Brunei - Jepun dipertingkatkan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharaja Akihito, Maharaja Jepun sempena Hari Keputeraan baginda yang ke-76 tahun.

Dalam perutusan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama-sama dengan rakyat Negara Brunei Darussalam mengucapkan tahniah kepada baginda dan rakyat Jepun. Baginda sangat berpuas hati terhadap persahabatan yang mesra dan kerjasama yang rapat di antara kedua-dua buah negara. Baginda seterusnya berharap semoga persahabatan dan kerjasama tersebut dapat diteruskan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

dan dipertingkatkan di masa-masa akan datang.

Dalam perutusan yang serupa kepada Perdana

Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Yukio Hatomaya, baginda sangat berpuas hati terhadap perkembangan yang telah di-



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Maharaja Akihito, Maharaja Jepun.


capai ke atas perjanjian rakan kongsi ekonomi di antara Negara Brunei Darussalam dan Jepun. Baginda seterusnya berharap

dapat terus bekerjasama dengan Tuan Yang Terutama ke arah mempertingkatkan hubungan kerjasama yang sangat bernilai di

antara kedua-dua buah negara dan rakyat.

Pada mengakhiri perutusan baginda itu, baginda menyampaikan salam muhibah kepada Kebawah DYMM Maharaja Akihito dan ahli kerabat diraja Jepun dan berharap semoga sentiasa dalam keadaan sihat dan sejahtera dan rakyat Jepun akan menikmati kemajuan dan kemakmuran yang bertepatan.

Sementara itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Menteri Hal Ehwal Luar Jepun, Tuan Yang Terutama Katsuya Okada sempena Hari Keputeraan Maharaja Jepun pada 23 Di-



Negara Brunei Darussalam

Jepun

sember 2009.

Dalam perutusan itu, DYTM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan ke hadapan majlis Maharaja dan kerabat diraja dan juga setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan dan rakyat Jepun bersempena Hari Keputeraan Maharaja Jepun.

DYTM melahirkan setinggi-tinggi penghargaan sekali lagi di atas penghormatan 'so graciously conferred upon' baru-baru ini oleh Maharaja Jepun.

DYTM juga dalam perutusan itu berharap akan mengadakan perjumpaan dengan TYT sewaktu lawatan DYTM dan juga mengharap semoga kerajaan dan rakyat Jepun menikmati sambutan Hari Keputeraan Maharaja Jepun dengan suasana yang menggembirakan.

Brunei terima 50 ribu dos vaksin Influenza A H1N1



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman ketika disuntik dengan vaksin Influenza A (H1N1) sempena lawatan ke Pusat Vaksinasi, Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan. - Foto : Hatral Hazmi Abd. Hamid.

"**PESAKIT-PESAKIT yang diberikan keutamaan untuk mendapatkan suntikan tersebut ialah pesakit berumur enam bulan ke atas yang menghidap penyakit kronik seperti penyakit paru-paru kronik, penyakit jantung kronik, penyakit buah pinggang kronik, penyakit hati kronik, penyakit neurological kronik, kurang daya imuniti dan penyakit kencing manis.**"

- Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Dr. Hajah Maslina binti Haji Mohsin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Disember. - Setakat ini Negara Brunei Darussalam telah pun menerima sejumlah 50,000 dos vaksin Influenza A (H1N1) di mana dari jumlah tersebut 3,000 dos telah pun digunakan.

Perkara itu dijelaskan oleh Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Dr. Hajah Maslina binti Haji Mohsin ketika ditemu bual oleh media, berlangsung di Pusat Vaksinasi, Ong Sum Ping, di sini.

Katanya, penghantaran pertama vaksin ke negara ini telah pun digunakan bagi jemaah haji yang lalu dan para pekerja kesihatan sebelumnya dilaratkan kepada orang ramai yang mempunyai penyakit kronik yang berusia enam bulan ke atas.

Pihak kementerian berkenaan jelasnya, akan menerima sejumlah 50,000 dos vaksin lagi pada penghujung bulan ini atau awal tahun depan.

Menurutnya pesakit-pesakit yang diberikan keutamaan untuk mendapatkan suntikan tersebut ialah pesakit berumur enam bulan ke atas yang menghidap penyakit kronik seperti penyakit pa-

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

ru-paru kronik, penyakit jantung kronik, penyakit buah pinggang kronik, penyakit hati kronik, penyakit neurological kronik, kurang daya imuniti dan penyakit kencing manis.

Selain para penghidap penyakit kronik tersebut katanya lagi mereka yang akan membuat perjalanan ke negara-negara beriklim sejuk juga boleh mendapatkan suntikan vaksin berkenaan.

Dr. Hajah Maslina seterusnya menjelaskan mereka yang ingin mendapatkan suntikan bolehlah mendapatkannya di Pusat-pusat Suntikan yang telah ditetapkan semasa waktu bekerja.

Katanya, orang ramai yang menerima vaksin akan diberikan penjelasan terlebih dahulu akan kesan-kesan sampingan seperti demam panas, sakit otot, lebam dan kemerah-merahan pada lengan yang disuntik.

Suntikan adalah diberikan secara percuma kepada semua rakyat dan penduduk negara ini termasuk warga negara asing yang mempunyai kad pintar berwarna hijau.

DI DALAM

Muka Surat 4




PENERIMA Anugerah Tokoh Ugama, Bakti Hijrah berjasa kepada negara

Muka Surat 9



RENCANA Anugerah Kampung Cemerlang



Planner 2010

DAPATKAN planner 2010 terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri keluaran PELITA BRUNEI hari ini

'JANGAN ANGGAP RASUAH KECIL TIDAK MENGAPA, INGATLAH AKAN RISIKONYA'



23 DISEMBER 2009 BERSAMAAN 1431 محرم 6

BUMI YANG SENTOSA

DALAM Titah Perutusan Sempena Menyambut Tahun Baru Hijriah 1431, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah penuh mengharap-kan agar Negara Brunei Darussalam benar-benar menjadi yang sentosa yang sentiasa mendapat pemeliharaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala serta mendapat perlindungan-Nya dari sebarang 1,000 macam kemelut dan masalah. Alhamdulillah, di bawah kebijaksanaan pemerintahan baginda, negara kitani bukan sahaja terus menikmati kesentosaan malahan terus unggul di persada sejahtera dan aman damai. Dengan kesentosaan itulah telah membolehkan negara kita membangun dengan lebih ligat menumpukan pembangunan dan kemajuan negara. Segegap lapisan rakyat dan penduduk termasuk yang tinggal diulu-ulu dan pedalaman menikmati sama kesentosaan dan keamanan. Pendek kata bumi Darussalam terus melimpah ruah dengan rahmat dan hidayat dari Allah.

Kesentosaan yang kita nikmati selama tidak lain tidak bukan adalah berpunca daripada kepimpinan raja kita yang sentiasa menitikberatkan ajaran-ajaran Islam dalam sistem pentadbiran dan pengurusan negara. Apa pun yang negara lakukan adalah mengambil kira kepentingan agama Islam. Dalam makna yang lebih luas agama lebih didepankan dan diutamakan dari segala-galanya. Kita tidak pernah membelakangkan agama dalam apa sekalipun. Dalam serba-serbi pentadbiran kerajaan harian, agama Islam terus mendominasi dan mewarnai setiap gerak langkah untuk maju ke hadapan. Malah pemimpin kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berusaha dengan gigih untuk menjadikan bumi Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

Natijahnya, negara terus menikmati kesejahteraan dan kesentosaan yang berpanjangan. Ini adalah berkat kita memberikan perhatian yang berat kepada agama. Islam terus diperhebat bukan sahaja dalam pentadbiran tetapi juga dalam selok-belok kehidupan rakyatnya. Negara terhindar daripada pelbagai kemelut seperti pengganasan, huru-hara, perpecahan, ketidakstabilan politik dan ekonomi seperti yang terjadi di negara-negara luar termasuk negara Islam. Jika kita amat-amati secara terperinci, kebanyakan negara-negara Islam yang bermasalah itu adalah berpunca daripada kurangnya memberikan perhatian berat kepada agama Islam, malahan mereka membelakangkan agama dalam tindak-tanduk mereka. Perkara ini bukan lakonan tetapi jelas di depan kita melalui kaca-kaca televisyen yang ditayangkan saban hari. Kita melihat negara seagama kita porak-peranda yang ditimpa dengan pelbagai kemelut seperti peperangan, kekacauan dan ketidakstabilan yang berpanjangan yang mengakibatkan negara-negara berkenaan hancur berkecai.

Ini yang kita tidak mahu berlaku terhadap negara kita. Perkara ini yang hendak kita jauhan sama sekali. Ramuan untuk itu kita kenalah memenuhi segala prasyarat selaku pewaris dan pemilik iaitu dengan menjadi hamba yang benar-benar bersyukur, yang melakukan amal takwa untuk selama-lamanya. Kita percaya dengan berpegang teguh kepada tali Allah, insya-Allah, nikmat yang kita kecap akan berkekalan dan bahkan akan ditambah lagi oleh Allah dengan berlipat ganda dengan pelbagai kemurahan rezeki. Ini janji Allah kepada hamba-Nya yang benar-benar beriman kepada-Nya. Allah tidak pernah memungkir janji tetapi akan tetap melimpahkan nikmat kesejahteraan dan kesentosaan.

Namun kita kadang-kadang berhadapan dengan pelbagai cabaran dan dugaan yang cukup kritikal. Walau bagaimanapun kuatnya cabaran dan 'halilintar' yang mendatang, kita jangan tunduk sama sekali malah tetap teguh kita dengan menjadikan agama Islam sebagai cara hidup yang rapus lagi sejati dalam kehidupan harian dengan berfalsafahkan Melayu Islam Beraja (MIB) yang menjadi tunjang kekuatan negara kita dari sebarang bentuk yang cuba menggugat kestabilan politik negara kita. Apa pun cabaran yang bakal kita terima, amatlah wajar kita menempuhinya dengan semangat kental dan tidak mudah mengalah dari sebarang ugutan atau ancaman dengan menguatkan lagi keimanan, kerana kita penuh optimis dengan menjwai agama, bumi kita akan terus terpelihara daripada sebarang kalam kabut.

Maka bagi mengekalkannya amatlah wajar kita berpegang teguh kepada titah baginda yang menekankan bahawa walau bagaimana sekalipun hebatnya sesebuah masyarakat atau negara jika agama tidak dijiwai sepenuhnya, maka masyarakat atau negara itu sebenarnya bukanlah hebat tetapi bermasalah. Baginda seterusnya bertitah mengingatkan kepada kita semua tidak jemu-jemu menekankan perkara agama seperti titah baginda: "Beta tidak jemu-jemu untuk menekankan perkara agama supaya diambil berat. Kerana agama itu adalah cahaya yang akan menerangi jalan kita. Tanpa agama, semuanya akan jadi kalam dan binasa."

Alhamdulillah negara kita tetap saja tegak dengan agama Islam dan menjadikan 'teman setia' dalam kehidupan rakyat dan penduduk. Kita amat bersyukur bernegarakan Negara Brunei Darussalam yang telah ditakdirkan menjadi sebuah negara yang makmur lagi aman, dapat menikmati taraf hidup yang tinggi sekalipun di tengah-tengah pergolakan dunia yang mencabar dengan keruntuhan ekonomi sejagat. Maka bersempena dengan Tahun Baru 1431 Hijriah, marilah kita berdoa semoga ianya membawa keberkatan yang diharap-harapkan kepada negara dan bangsa. - **Ketua Bahagian PELITA BRUNEI.**

MASYARAKAT DAN NEGARA PERLU MENJIWAI AGAMA

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH Rabbil'alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuriddunyaa Waddeen, Was-salaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Alhamdulillah, kita sekarang berada dalam Tahun Baru Hijriah 1431. Kita berdoa, semoga ia membawa keberkatan yang diharap-harapkan kepada negara dan bangsa.

Semoga juga kehadirannya, akan menyuntik kesedaran baru untuk umat Islam di bidang 'pembinaan diri', bukan saja di Negara Brunei Darussalam, malahan juga di seluruh dunia.

Umat Islam yang berjumlah 1.5 bilion dari 7 bilion penduduk dunia itu, masih saja kelihatan mengalami beberapa tengkarah dan keadaan tidak menentu. Mereka dicengkam oleh api-api peperangan dan kekacauan-kekacauan berdarah serta lain-lain, termasuk krisis ekonomi dan hutang yang teruk.

Mengapakah perkara yang seperti ini harus berlaku?

Selaku manusia bertuhan, kita tidak boleh lari dari melihat perkara ini sebagai ada kaitannya dengan ketentuan Allah Ta'ala jua. Kerana tidak akan dapat bergerak atau berlaku sesuatu itu, melainkan dengan kehendak Allah jua.

Begitulah dari sudut ilmu agama.

Namun, Allah juga memulangkan 'buku keras' kepada manusia sendiri, mengapa kejadian-kejadian yang tidak diingini itu berlaku, seperti maksud firman-Nya dalam Surah Ar Ruum, ayat 41:

"Telah berlaku berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut

dengan sebab perbuatan tangan-tangan manusia sendiri ..."

Maknanya semua itu adalah berpunca daripada kita juga. Terdapat kesalah-lah daripada kita, maka hukuman Allah pun berlaku untuk menyedarkan kita semula.

Allah adalah Maha Adil kepada semua hamba-Nya. Dia tidak memilih-milih mengikut bulu atau kedudukan. Orang yang patut dihukum akan dihukum-Nya dan orang yang patut dilepaskan akan dilepaskan-Nya daripada hukuman itu.

Bagaimanapun, sunnatullah sangatlah menyukai taubat oleh para hamba.

Bertaubat merupakan pendirian orang-orang mulia, pendirian orang-orang soleh dan ahli takwa. Tidakkah Allah Ta'ala itu telah berjanji kepada ahli takwa untuk melepaskan mereka dari kesempitan dan membukakan pintu-pintu rezeki-Nya dengan luas?

Jadi pada hemat beta, jalan untuk umat Islam keluar dari tengkarah dan pelbagai krisis, satu-satunya,



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Menyambut Tahun Baru Hijriah 1431, di Istana Nurul Iman.

adalah melalui 'jalan taubat' ini.

Jika perpecahan itu dianggap satu dosa, maka umat Islam, tidak boleh tidak, mestilah bertaubat (rujuk kepada Allah) dengan bersatu. Begitu juga, kalau maksiat seperti yang kita tahu, menjadi kebencian kepada Allah, maka umat Islam, tidak boleh tidak, mestilah cepat-cepat bertaubat meninggalkan kebencian-Nya itu.

Ini saja ubat mujarab yang ada. Adapun yang lain-lain itu cuma penyokong atau pelengkap saja.

Sebab itu, berbalik kepada Brunei, beta masih tidak jemu-jemu untuk me-

nekankan perkara agama supaya diambil berat. Kerana agama itu adalah cahaya yang akan menerangi jalan kita. Tanpa agama, semuanya akan jadi kalam dan binasa.

Sesebuah masyarakat atau negara, bagaimanapun ia kelihatan hebat pada zahirnya, jika agama tidak turut menjiwaunya, maka masyarakat atau negara seperti itu, sebenarnya bukanlah ia hebat tetapi bermasalah.

Kita mengharapkan negara kita benar-benar menjadi bumi yang sentosa, yang dipeliharakan oleh Allah serta mendapat perlindungan-Nya dari sebarang kemelut dan masa-lah.

BERTAUBAT merupakan pendirian orang-orang mulia, pendirian orang-orang soleh dan ahli takwa. Tidakkah Allah Ta'ala itu telah berjanji kepada ahli takwa untuk melepaskan mereka dari kesempitan dan membukakan pintu-pintu rezeki-Nya dengan luas?

Maka untuk itu, kita kenalah memenuhi segala prasyarat, selaku pewaris dan pemilik iaitu menjadi hamba yang benar-benar bersyukur yang melakukan amalan takwa untuk selama-lamanya.

Insya-Allah, dengan cara ini nikmat akan berkekalan dan pahala akan ditambah lagi oleh Allah dengan berlipat ganda.

Untuk akhirnya, beta dan keluarga beta dengan amat sukacita dan tulus hati mengucapkan selamat menyambut dan memasuki Tahun Baru Hijriah 1431. Semoga sepanjang menjalaninya, kita akan beroleh kebahagiaan serta hidayat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Lantikan pegawai-pegawai kanan kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan pelantikan dan pertukaran bagi lima pegawai kerajaan.

Menurut Siaran Akhbar yang dikeluarkan oleh Ja-

batan Perkhidmatan Awam bahawa kelima-lima pegawai yang telah diperkenankan tersebut terdiri dari Pegawai Daerah Tutong di Jabatan Daerah Tutong, Awang Haji Idris bin Haji Md. Ali ditukar dan dilantik untuk memangku jawatan Pengarah Radio dan Televisyen Brunei (RTB), Jabatan RTB.

Manakala Ketua Rancangan TV, Jabatan RTB, Pengiran Haji Mahari bin Pengiran Haji Abdul Rajak dilantik untuk memangku jawatan Timbalan Pengarah RTB, Jabatan RTB.

Sementara Timbalan Pengarah Percetakan, Jabatan Percetakan Kerajaan, Pengiran Haji Zainal Abidin bin Pengiran Seri Wijaya Pengiran Haji Ahmad di-

lantik untuk memangku jawatan Pengarah Percetakan, Jabatan Percetakan Kerajaan.

Seterusnya Penolong Pegawai Daerah Tutong, Jabatan Daerah Tutong, Awang Muhammad Sufian bin Haji Bungsu ditukar dan dilantik untuk memangku jawatan Timbalan Pengarah Penerangan, Jabatan Penerangan

dan Penolong Pengarah Percetakan, Jabatan Percetakan Kerajaan, Pengiran Darussalam bin Pengiran Haji Abbas dilantik untuk memangku jawatan Timbalan Pengarah Percetakan, Jabatan Percetakan Kerajaan.

Lantikan kelima-lima pegawai berkenaan bermula hari ini (21 Disember 2009).

SIDANG PENGARANG

Ketua Penyuntingan

Dr. Muhammad Hadi Muhammad Melayong,
Haji Jaafar Haji Ibrahim

Pemberitaan

Zabaidah Haji Salat,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Hezlinawati Haji Abd. Karim,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Ak. Jeffery Pg. Durahman,
Wan Mohamad Sahrani Wan Ahmadi,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Siti Zuraihah Awang Sulaiman

Penyemakan

Haji Besar Haji Mamit,
Yahya Haji Putra,
Ramlah Md. Nor,
Atikah Mohd. Asyraf,
Hajah Sujimawati Mejeri,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Siti Noorzaimah Haji Nooralli,
Amal Hazirah Haji Maidin,
Nur Hidayati Haji Haris

Penyuntingan

Haji Ahat Haji Ismail, Sahari Akim, Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Siti Muslihat Haji Salleh, Aliddin Haji Mokhtal

Penyelaras dan Reka Letak

Samle Haji Jait, Norliah Md. Zain,
Haji Ahmad Haji Salim

Penterjemah

Hajah Musmariani Haji Mohammad,
Hafizatul Atikah Abdullah

Pereka Letak

Hajah Raini Haji Bidin, Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail, Siti Rahmah Haji Abd. Hamid, Rosnah Jaludin, Jorrani Haji Zainal, Rudiana Mohd. Salleh,
Md. Alisman Ismail, Muhd. Zaidani Haji Zinin, Nur Zafirah Md. Hussin

pelita.brunei@information.gov.bn
iklan.pb@information.gov.bn

produksi.pb@information.gov.bn
foto.pb@information.gov.bn

Memberikan perkhidmatan berkualiti kepada pelancong

BANDAR SERI BEGAWAN. - Para pengusaha pelancongan di negara ini disarankan supaya memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada para pelanggan.

Bagi tujuan itu, satu Bengkel Latihan Kualiti Perkhidmatan Bagi Sektor Perdagangan Pengembaraan ASEAN telah diadakan Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, baru-baru ini.

Seramai 50 peserta dari Jabatan Muzium-Muzium Brunei, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebang-

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

saan, agensi-agensi pelancongan dan perhotelan serta Syarikat Penerbangan Diraja Brunei menghadiri bengkel tersebut.

Para peserta yang menamatkan bengkel itu menerima sijil masing-masing dari Pengarah Kemajuan Pelancongan Brunei, Sheikh Haji Jamaluddin bin Sheikh Mohamed.

Bengkel itu bertujuan membantu para peserta memahami ciri-ciri keperluan para pelanggan.

Selalunya aduan yang diterima dari para pelanggan lebih kepada faktor kemanusiaan bukan mengenai harga atau kualiti produk yang ditawarkan.

Bengkel yang dikendalikan oleh Pusat ASEAN-Jepun dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama itu juga bertujuan meningkatkan kualiti perkhidmatan pelancongan Jepun.

Dua pensyarah terdiri dari Presiden Office Yama, Yoshinori Yama dan Penolong Pengarah Pelancongan dan Pertukaran, Pusat ASEAN - Jepun, Joukeo Fuchigami mengendalikan bengkel tersebut.

Bengkel antaranya membentangkan ciri-ciri para pelancong Jepun, gaya hidup orang Jepun, cara untuk menawarkan kualiti perkhidmatan kepada pelancong Jepun dan teknik-teknik pemandu pelancong serta cara-cara untuk menangani aduan.



PENGARAH Kemajuan Pelancongan Brunei, Sheikh Haji Jamaluddin bin Sheikh Mohamed ketika menyempurnakan penyampaian sijil kepada seorang peserta Bengkel Latihan Kualiti Perkhidmatan Bagi Sektor Perdagangan Pengembaraan ASEAN. - Foto : Azmah Haji Ahad.

Bidang penulisan memerlukan bakat, usaha

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN. - Ilmu sentiasa berkembang dari semasa ke semasa lebih-lebih lagi ilmu dalam bidang penulisan.

Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dayang Hajah Aminah binti Haji Momin berkata jika tidak mengikuti perkembangan ilmu ini, maka akan jauh tertinggal di belakang dan menyebabkan tugas yang dilaksanakan akan menjadi 'asal ada saja'.

Berucap di Majlis Penutupan Bengkel Penulisan Umum di Balai Sarmayuda DBP baru-baru ini, Dayang Hajah Aminah percaya untuk menambah ilmu di bidang penulisan, selain memiliki bakat, usaha katanya juga perlu ke arah

meningkatkan kemahiran tersebut terutama kepada editor (penyunting), penerbitan, pengilustrasi, jurugambar dan penerbitan.

Dalam hubungan ini, para pegawai dan kakitangan tegasnya perlu kreatif terutama bagi memaju dan memahirkan diri dalam menanai tugas seharian dengan mencari dan menggali ilmu melalui membaca atau menyertai bengkel dan kursus.

"Dengan idea-idea yang dilontarkan dalam kertas-kertas cadangan akan dapat direalisasikan dalam bentuk penerbitan sebenar supaya hasilnya nanti akan dapat dibaca oleh orang ramai," tegasnya dengan penuh harapan.

Seramai 57 peserta yang terdiri dari pegawai dan kakitangan Kementerian



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dayang Hajah Aminah ketika menyampaikan sijil kepada seorang peserta Bengkel Penulisan Umum. - Foto : Ak. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya yang mengikuti bengkel tersebut telah menerima sijil masing-masing di majlis ini.

Dengan kemahiran yang ditunjukkan oleh fasilitator dari Akademi Penulis

Sendirian Berhad, Malaysia, Encik Fauzul Na'im, para peserta dipercayai memperoleh ilmu dan pengalaman daripadanya yang telah bermula sejak 16 November lalu.

BKN dedahkan Sindiket Pengedaran Dadah Antarabangsa

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

TUNGKU, Rabu, 16 Disember. - Kumpulan-kumpulan Jenayah Afrika (African Criminal Groups - ACG) telah berkembang menjadi ancaman global yang serius melalui kemampuan mereka untuk membangunkan hubungan kerja dengan kumpulan-kumpulan jenayah lain dalam penglibatan beberapa rangkaian jenayah.

Pegawai Narkotik Kanan II, Pengiran Rodziah binti Pengiran Ahmad, menjelaskan Kumpulan ACG berasal dari Afrika dan telah beroperasi di dalam penjualan dadah-dadah haram selama 17 tahun kebelakangan ini yang telah memperluaskan penjualan dadah antarabangsa khususnya untuk heroin dan kokain.

Sindiket ini tambahnya, dimotivasikan menggunakan dari keuntungan multi juta yang diperolehi daripada penjualan dadah.

Dalam perjumpaan bersama wakil media tempatan mengenai Sindiket Pengedaran Dadah Antarabangsa, Pengiran Rodziah dalam selanjutnya menjelaskan mengenai dengan strategik keseluruhan negara-negara, laluan-laluan dan juga caracara yang dipergunakan oleh ACG ini untuk penjualan dadah-dadah haram yang mana jelasnya, ACG sebelumnya akan mempelajari dan mendapatkan beberapa pengetahuan tentang operasi penguatkuasaan undang-undang.

Mereka secara aktif tegasnya, mengumpul risikan di kastam, taktik imigresen dan penguatkuasaan undang-undang, teknik dan prosedur, berkongsi dan mengintegrasikan teknik penjualan yang dipelajari dari tempat lain yang kemudian diadaptasi ke lokasi lain di seluruh dunia.

Operasi mereka ini terangnya, sukar untuk dijejaki terutama ketika sindiket beroperasi dari luar negeri seperti melalui telefon bimbit, kad SIM, penghantaran wang dan lain-lain.

"Sindiket dadah mempergunakan bahasa suku asli, tempat-tempat separuh swasta serta tidak bercakap di luar kumpulan yang dikenali.

Sindiket-sindiket Dadah Afrika juga menjual dadah-dadah dengan menggunakan laluan-laluan yang berpangkalan di negara-negara lain seperti Malaysia dan Thailand," terangnya.

berubah termasuk perhentian laluan global.

ACG jelasnya, mengeksploitasi sejumlah negara di Timur Tengah dan Asia, dengan menggunakan penghantaran melalui manusia atau kurir dan sistem pakej pos kerana mereka percaya ini akan memudahkan penjualan dadah haram ke sebahagian lain rantau ini.

"Kurir manusia adalah import utama kaedah yang digunakan oleh Sindiket Dadah Afrika untuk penjualan dadah haram yang mana banyak di antara mereka ini memiliki pengetahuan yang minimal tentang operasi sindiket malahan lebih jauh lagi, mereka telah memaksa dengan ancaman keganasan untuk melakukan import. Mereka juga tidak akan memberikan maklumat jika ditangkap," jelas Pengiran Rodziah lagi.

Sementara itu, Pegawai Narkotik Kanan I, Awang Asulham Rane Mohd. Ash-rane, dalam taklimatnya bertajuk "Sindiket Dadah Antarabangsa" menjelaskan bahawa Sindiket Pengedaran Dadah Antarabangsa ini telah dikenalpasti semakin licik dengan bergerak aktif menasarkannya dan merekrut wanita-wanita muda dan lelaki-lelaki yang naif warganegara Asia seperti warganegara Malaysia, Singapura, Filipina, Thailand dan Brunei Darussalam sebagai kurir untuk mengedarkan atau menyeleud dadah yang bernilai jutaan ringgit ke destinasi-destinasi antarabangsa.

Sindiket ini terangnya, telah didalangi oleh warganegara Afrika Barat termasuk warganegara Iran, Pakistan dan India dan berpangkalan serta beroperasi secara meluas di Malaysia dan Thailand yang berurusan secara tunai.

Selain menjalankan kegiatan pengedaran dadah sebilangan anggota sindiket tambahnya, juga dikenalpasti terlibat dalam kes-kes jenayah rentas sempadan global seperti sindiket penipuan mengandaskan wang, sindiket pengedaran wang palsu, sindiket pembersihan wang haram, sindiket pengedaran pasport, kad pengenalan dan dokumen palsu, sindiket pengedaran kad kredit palsu antarabangsa dan sindiket pelacuran.

"Dalang dan anggota Sindiket Pengedaran Dadah Antarabangsa majoritinya adalah terdiri daripada lelaki, warganegara benua Afrika berumur dalam lingkungan

ACG jelasnya, mengeksploitasi sejumlah negara di Timur Tengah dan Asia, dengan menggunakan penghantaran melalui manusia atau kurir dan sistem pakej pos kerana mereka percaya ini akan memudahkan penjualan dadah haram ke sebahagian lain rantau ini.

20-35 tahun, proaktif, moden, mempunyai hubungan dan rangkaian antarabangsa dan pakar dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi serta berlagak sebagai Romeo atau Kasanova," terangnya lagi.

Dalam perjumpaan yang diadakan bertempat di Bilik Mesyuarat 1, Biro Kawalan Narkotik (BKN), Jalan Tungku, Pengarah BKN, Awang Haji Abd. Aziz menegaskan kepentingan pihak media dalam sama-sama berganding bahu untuk menyebarkan dadah dalam membantu menyedarkan orang ramai serta ibu bapa akan bahaya dadah kepada keluarga dan anak-anak masing-masing terutama sekali belia-belia Negara Brunei Darussalam yang merupakan tunggak negara masa depan.

Perjumpaan bersama pihak media kerajaan dan swasta seumpama ini antaranya bertujuan untuk memberi maklumat mengenai Sindiket Pengedaran Dadah Antarabangsa yang kini semakin menular di rantau ASEAN terutama sekali yang melibatkan rakyat tempatan yang telah ditahan dan kini menjalani hukuman penjara ataupun masih dalam penyiasatan oleh Pihak Penguatkuasa Undang-undang di luar negara.

Juga hadir memberikan taklimat petang tadi ialah Pemangku Penolong Pengarah, Awang Osmawi yang menyentuh tentang Program Kesedaran Pendidikan, Sindiket Pengedaran Dadah Antarabangsa.

Perjumpaan diakhiri dengan sesi soal jawab yang turut dihadiri sama oleh Timbalan Pengarah BKN, Awang Haji Jasmin Haji Jamudin dan Ketua Pegawai Narkotik II, Awang Hamzah bin Suhaili.

PERADUAN MENULIS RENCANA SEMPENA ANUGERAH KAMPUNG CEMERLANG

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Disember. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) akan menganjurkan Peraduan Menulis Rencana sempena Anugerah Kampung Cemerlang yang akan diadakan pada 14 Februari 2010.

Tajuk Rencana ialah 'MEMANTAPKAN DAN MEMARTABATKAN MAJLIS PERUNDINGAN MUKIM DAN KAMPUNG KE ARAH KECERLANGAN MUKIM DAN KAMPUNG'.

Peraduan menulis rencana terbuka kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, rencana mestilah mengandungi di antara 1,800 hingga 2,000 patah perkataan, rencana hendaklah dihadapkan dalam bentuk A4 saiz dengan 'font' Arial berukuran 14.

Pemenang pertama, kedua, ketiga dan pemenang-pemenang saguhati adalah dikehendaki untuk menghadapkan salinan rencana dalam bentuk 'soft copy'. Sebarang rencana tidak dibenarkan untuk mengkritik mana-mana institusi-institusi yang terdapat di negara ini atau orang-orang perseorangan. Keputusan hakim adalah MUKTAMAD. Sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.

Pihak penganjur menyediakan hadiah pertama wang tunai BND500, hadiah kedua wang tunai BND300 dan hadiah ketiga wang tunai BND200.

Sebanyak tiga hadiah saguhati wang tunai BND100 juga akan disediakan.

Tarikh tutup bagi menghantar rencana ialah pada hari Isnin, 10 Januari 2010 jam 4.00 petang dan rencana hendaklah dihantar terus ke alamat Urusetia, Peraduan Menulis Rencana Anugerah Kampung Cemerlang, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jalan James Pearce BD8610, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu, Peraduan Kuiz Terkumpul Anugerah Kampung Cemerlang 2009 juga akan diadakan menerusi Radio dan Televisyen Brunei yang akan menayangkan dokumentari kampung-kampung yang dipilih untuk Anugerah Kampung Cemerlang sebanyak 15 siri yang akan bermula 22 Disember 2009.

Orang ramai yang berminat untuk menyertai peraduan kuiz berkenaan bolehlah mendapatkan borang penyertaan dalam keluaran Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI yang dimuatkan pada 19 dan 23 Disember 2009.

Bagi menjawab soalan-soalan kuiz berkenaan mereka mestilah menonton tayangan dokumentari dan membaca rencana-rencana mengenai kampung-kampung berkenaan dalam Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI yang disiarkan bermula hari ini, 23 Disember 2009.

Penerima Anugerah Tokoh Ugama, Bakti Hijriah berjasa kepada negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Disember. - Kelima-lima penerima Anugerah Tokoh Ugama dan Anugerah Bakti Hijriah 1431 merupakan mereka yang memberikan sumbangan bakti dan memberikan jasa yang cukup kepada bangsa dan negara terutama dalam perkembangan agama Islam.

Pengurniaan anugerah-anugerah berkenaan disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Sambutan Awal Tahun 1431 Hijriah yang berlangsung di Jame' Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Mohd. Amin bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim menerima Anugerah Tokoh Ugama.

Penerima anugerah tersebut telah berkecimpung di bidang perkhidmatan agama dari awal sehingga usia persaraannya dan memberikan khidmatnya yang cemerlang dan jasanya yang banyak kepada agama, raja dan negara.

Sebagai ilmuwan Islam, beliau kini sedang mengu-

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

sahkan penulisan buku 'Panduan Dakwah Kepada Non-Muslim', 'Meninjau Kembali Kurikulum Sekolah Ugama' dan buku 'Sistem Pendidikan Negara Brunei Darussalam' serta akan menerbitkan hasil penulisannya iaitu 'Undang-undang Jenayah'.

Penganugerahan Anugerah Bakti Hijriah juga diterima oleh empat penerima anugerah iaitu Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman bin Abdul Kadir, Awang Haji Musa bin Haji Mantok, Awang Haji Abdul Ghafar bin Abdul Ghani dan Awang Haji Suhaili bin Abdullah.

Penerima pertama Anugerah Bakti Hijriah, Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, seorang yang telah mencurahkan khidmat baktinya kepada masyarakat kampungnya sejak awal tahun 50-an. Beliau juga mendorong untuk mendirikan sebuah masjid pertama di Kampung Ayer iaitu Masjid Datu Imam Haji Abdul Mokti, di samping menubuhkan persatuan kampung yang bernama Persatuan Kebajikan Muafakat (KEMUKA).

Sementara penerima kedua iaitu Awang Haji Musa merupakan seorang guru dan pendakwah yang

terkenal bergaul mesra dengan penduduk-penduduk kampung di kawasan pedalaman dan masih giat dalam kerja-kerja kemasyarakatan dalam persaraannya itu.

Penerima Anugerah Tokoh Ugama

"BERKECIMPUNG di bidang perkhidmatan agama dari awal sehingga usia persaraannya dan memberikan khidmatnya yang cemerlang dan jasanya yang banyak kepada agama, raja dan negara."

- Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Mohd. Amin bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim

Dengan sifat kepimpinan itu, beliau turut mengukuhkan pembinaan beberapa buah masjid dan balai ibadat di Kampung Melilas, Kampung Sukang, Pos Dakwah Kampung Selapon, Rumah Kegiatan Ugama Kampung Bebuloh dan juga Surau Kampung Belabau, selain itu juga mendorong bagi menubuhkan Persatuan Saudara-Saudara Baru Temburong (PESAT).

Penerima pertama Anugerah Bakti Hijriah

"MENCURAHKAN khidmat baktinya kepada masyarakat kampungnya sejak awal tahun 50-an. Beliau juga mendorong untuk mendirikan sebuah masjid pertama di Kampung Ayer iaitu Masjid Datu Imam Haji Abdul Mokti."

- Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman bin Abdul Kadir

Penerima ketiga, Awang Haji Abdul Ghafar, seorang imam yang disegani dan telah berkhidmat dalam bidang hal ehwal masjid selama lebih 30 tahun. Beliau telah berjaya mengimarahkan masjid serta menyebarkan ilmu kepada masyarakat.

Meskipun jawatan kerajaan bagi penerima kedua dan ketiga berlainan, namun kedua-dua mereka berada pada satu tapak

Penerima kedua Anugerah Bakti Hijriah

"SEORANG guru dan pendakwah yang terkenal bergaul mesra dengan penduduk-penduduk kampung di kawasan pedalaman dan masih giat dalam kerja-kerja kemasyarakatan dalam persaraannya itu."

- Awang Haji Musa bin Haji Mantok

menabur bakti kemasyarakatan di kampung mereka menerusi masjid yang sama iaitu Masjid Kampung Kilanas.

Awang Haji Suhaili adalah penerima terakhir Anugerah Bakti Hijriah di atas kegigihannya berbakti kepada agama Islam serta mempergiatkan dakwah ke kampung-kampung pedalaman di Daerah Tutong. Dari itu, beliau telah berjaya mengislamkan 56

Penerima ketiga Anugerah Bakti Hijriah

"SEORANG imam yang disegani dan telah berkhidmat dalam bidang hal ehwal masjid selama lebih 30 tahun. Beliau telah berjaya mengimarahkan masjid serta menyebarkan ilmu kepada masyarakat."

- Awang Haji Abdul Ghafar bin Abdul Ghani

orang ahli keluarganya. Beliau juga telah bekerjasama dengan Ketua Kampung Rambai untuk menubuhkan kelas agama serta aktif dalam hal ehwal kemasyarakatan dan menerajui Persatuan Tamu Muhibah yang dinamakan Badan Kebajikan Kampung Rambai (PEMBINA) serta memimpin Persatuan Saudara Baru Daerah Tutong (PESATU). Pada 2007, beliau telah dianu-

Penerima keempat Anugerah Bakti Hijriah

"KEGIGIHANNYA berbakti kepada agama Islam serta mempergiatkan dakwah ke kampung-kampung pedalaman di Daerah Tutong. Dari itu, beliau telah berjaya mengislamkan 56 orang ahli keluarganya."

- Awang Haji Suhaili bin Abdullah

gerahkan Anugerah Saudara Baru Tauladan oleh Pusat Da'wah Islamiah.

Pemilihan bagi para penerima anugerah tersebut adalah mereka yang mempunyai kemahiran dan kepakaran tertentu dalam bidang agama seperti hal ehwal pelajaran, dakwah, kehakiman, perundangan, kemasjidan, pentadbiran dan seumpamanya yang berhubung kait dengan agama Islam.

'Ilahi Selamatkan Brunei Darussalam' mengharapkan pemeliharaan dari Allah

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto: Mohd. Zul- Izzu Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Disember. - 'Ilahi Selamatkan Brunei Darussalam' adalah ungkapan doa bagi mengharapkan kurnia rahmat perlindungan dan pemeliharaan dari Allah Subhanahu Wata'ala supaya Negara Brunei Darussalam ini sentiasa dalam keamanan dan kemakmuran serta jauh dari murka dan bala Allah.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin ketika menyatakan perkara tersebut dalam ucapan sembah-alu-aluan di Majlis Sambutan Awal Tahun 1431 Hijriah, berlangsung di Jame' Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong menjelaskan, 'Ilahi Selamatkan Brunei Darussalam' yang menjadi tema Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Bagi Tahun 1431 Hijriah

"ILAHl Selamatkan Brunei Darussalam' adalah ungkapan doa bagi mengharapkan kurnia rahmat perlindungan dan pemeliharaan dari Allah Subhanahu Wata'ala supaya Negara Brunei Darussalam ini sentiasa dalam keamanan dan kemakmuran, serta jauh dari murka dan bala Allah."

- Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain.

yang memfokus keselamatan negara setentunya menjadi agenda utama bagi sebuah negara.

Yang Berhormat menyatakan, sebagai masyarakat Islam di negara ini yang teguh beragama sayugia sentiasa ingatkan Allah Subhanahu Wata'ala dengan menyembah, berdoa dan mendekatkan diri kepada-Nya agar negara



kita sentiasa dalam keadaan selamat dan dalam pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala serta mendapat ke-redaan-Nya.

Dalam sembah-sembah aluannya tersebut, Yang Berhormat juga menyembahkan mengenai pengurniaan Anugerah Tokoh Ugama dan Anugerah Bakti Hijriah yang telah diperkenankan adalah sebagai pengiktirafan dan penghargaan yang amat besar ertinya kepada penerimanya dan ianya akan menjadi pendorong kepada rakyat jelata umumnya untuk terus sama-sama berusaha dan bertanggungjawab dengan ikhlas dan berseungguh-sungguh bagi memelihara, menegak, mengukuh dan mengembangkan syiar Islam di negara ini.

Peserta PROPAZ perlu memanfaatkan peluang, tingkatkan keupayaan diri

MUARA, Khamis, 17 Disember. - Para peserta Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ) disaran supaya memanfaatkan peluang yang diberikan serta menggunakan kesempatan tersebut untuk meningkatkan keupayaan diri.

Pegawai Pentadbir Kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Pengiran Haji Anuar membuat saranan tersebut pada Sesi Dialog Bersama Peserta-peserta PROPAZ KHEU Sesi Ketiga 2009/2010 yang diadakan di Pusat Pembangunan Belia (PPB) Jalan Lebuhraya Muara - Tutong, di sini.

PROPAZ yang diungkuhkan bersama oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) melalui Urusetia PROPAZ dan PPB itu memberikan latihan kemahiran, pembangunan diri serta penempatan kerja kepada para pelatih yang terpilih mengikutinya.

Terdahulu, Ketua PPB, Dayang Hajah Fatimah menjelaskan, dengan adanya program seumpama ini akan dapat membuka peluang pekerjaan atau perniagaan selain meningkatkan taraf hidup, di samping mengurangkan pergantungan bantuan dari mana-mana pihak.

Pada sesi ketiga ini jelasnya, seramai 38 pelatih diterima mengikuti PROPAZ ini dan

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

seperti biasa, pada tahun ini para peserta akan menjalani program selama sembilan bulan.

Selama tiga bulan mereka akan mengikuti Program Latihan Kemahiran sepenuh masa di PPB dan enam bulan menjalani Program Penempatan Kerja di sektor kerajaan mahupun sektor swasta yang telah berdaftar sebagai rakan kongsi kepada PROPAZ ini.

Dengan adanya sesi dialog seperti ini akan dapat memberikan galakan dan motivasi kepada para peserta program tersebut iaitu dengan mempertingkatkan daya tahan diri peserta agar terus komited sepanjang program berkenaan khususnya semasa mereka menjalani Program Penempatan Kerja yang akan bermula awal bulan Februari tahun depan.



SEBAHAGIAN peserta Program Pengupayaan Asnaf Zakat mendengar taklimat. - Foto : Hatral Hazmi Abd. Hamid.

Solekan dan Dandan Rambut, Kursus Jahitan Asas dan Sulaman, Kursus Welding dan Vehicle Body Repair dan Kursus Plumbing dan Air Conditioning.

Sepanjang kursus, para peserta akan menerima kemudahan-kemudahan asas seperti pembiayaan bagi pelaksanaan kursus dalam Program Latihan Kemahiran dan Program Pembangunan Diri, Penyediaan Makanan Minum, Pembiayaan Pakaian Kursus dan Pakaian Sukan, Pembiayaan Alat Tulis serta Pemberian Elaun.

Semua ini akan dibiayai sepenuhnya oleh MUIB, KHEU.

Program ini antara lain bertujuan untuk membolehkan para peserta menimba pengalaman dalam bidang yang bakal disertai dan seterusnya meningkatkan kemahiran mereka dengan harapan ia akan dapat membuka peluang kepada mereka sama ada mendapatkan pekerjaan mahupun berjinak-jinak dalam dunia perniagaan.

PROPAZ mula diadakan pada 5 November 2007 sehingga 31 Juli 2008 melibatkan 18 pelatih mengikuti pelbagai bidang yang mereka minati.

Manakala sesi kedua program ini dilaksanakan pada 5 November 2009 hingga 31 Juli 2010 melibatkan 25 pelatih mengikuti kursus yang disediakan.

Manusia diciptakan untuk **beribadat** kepada Allah



FORUM Maal Hijriah 1431 bertajuk 'Hijriah Dalam Pengisian Waktu Senja Waktu Masa Tua' anjuran Majlis Perundingan Kampung Lumut 1 dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Zainab, Lumut 1.

Kelas Muqaddam dan Al-Qur'an JHEM Daerah Temburong

Berita dan Foto : Samin

TEMBURONG, Isnin, 14 Disember. - Sebagai satu usaha untuk mengisi masa lapang di musim cuti persekolahan, Kelas Muqaddam dan Al-Qur'an Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) Daerah Temburong telah mengadakan Majlis Pertandingan Menghafaz Surah Pilihan dan Doa-doa Pilihan Bagi Murid-murid Kelas Al-Qur'an dan Muqaddam Di Masjid-masjid dan Balai-balai Ibadat di Daerah Temburong bagi tahun 1430H/2009M, berlangsung di Masjid Utama Mohd. Salleh Pekan Bangar, di sini.

Pertandingan ini dibahagikan kepada dua kategori, A1 - Bahagian Lelaki; A2 - Bahagian Perempuan dan B1 - Bahagian Lelaki, B2 - Bahagian Perempuan.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis pertandingan ini, Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, Awang Haji Mail bin Awang Besar yang juga menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah kepada pemenang dalam pertandingan tersebut.

Johan bagi Kategori A1 - Bahagian Lelaki dimenangi oleh Awang Md. Fahmi Syukri bin Haji Hamidon yang mewakili Masjid Kampung Batu Apoi, manakala johan bagi A2 - Bahagian Perempuan pula dimenangi oleh Dayang Norainina binti Yunos mewakili Masjid Pengiran Haji Abu Bakar Kampung Bokok.

Sementara bagi Kategori B1 - Bahagian Lelaki, johan disandang oleh Awang Md. Nurhakimin Said Zharfan bin Haji Said dari Masjid Kampung Puni dan Kategori B2 - Bahagian Perempuan pula dimenangi oleh Dayang Nurul Nadimah binti Masnadi yang mewakili Masjid Kampung Selangan.

Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Temburong, Awang Haji Adam bin Haji Tengah menjelaskan, pertandingan ini adalah aktiviti tahunan JHEM Daerah Temburong.

Di samping itu, ia juga bertujuan untuk menampilkan murid-murid Kelas Muqaddam dan Al-Qur'an supaya berani tampil ke hadapan orang ramai.

Antara yang hadir di majlis ini ialah ketua-ketua bahagian dan kakitangan JHEU Daerah Temburong dan ibu bapa murid-murid Kelas Muqaddam dan Al-Qur'an Daerah Temburong.

Bagi memberkati majlis, bacaan doa selamat dibacakan oleh Imam Fairuz bin Haji Suhaili.



SEORANG peserta perempuan semasa menghafaz surah pilihan dan doa-doa pilihan di Pertandingan Menghafaz Surah Pilihan dan Doa-doa Pilihan Bagi Murid-murid Kelas Al-Qur'an dan Muqaddam Di Masjid-masjid dan Balai-balai Ibadat di Daerah Temburong bagi tahun 1430H / 2009M.

LUMUT, Jumaat, 18 Disember. - Penceramah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Zulkifli bin Haji Zakaria berkata, nikmat yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada insan yang bernama manusia seperti 'nikmat tubuh dan nikmat umur' membolehkan manusia menjalani kehidupan di dunia ini dengan baik.

Menurut beliau manusia diciptakan oleh Allah dengan sebaik-sebaik kejadian, di samping berbagai nikmat seperti firman Allah Subhanahu Wata'ala yang bermaksud : *"Tidak Aku ciptakan manusia dan jin itu melainkan untuk beribadat kepada-Ku."*

Awang Haji Zulkifli menjelaskan demikian pada Forum Maal Hijriah 1431 bertajuk 'Hijriah Dalam Pengisian Waktu Senja Waktu Masa Tua' anjuran

Berita dan Foto : Shari Haji Garib

Majlis Perundingan Kampung Lumut 1 dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Zainab, Lumut 1.

"Tajuk perbincangan forum pada malam ini sebenarnya adalah memperkatakan tentang diri kita sebagai insan yang bernama manusia," katanya.

Peristiwa hijrah yang dimaksudkan katanya, adalah penghijrahan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dari Mekah Al-Mukaramah ke Madinah Al-Munawarah iaitu perpindahan Baginda daripada Mekah ke Madinah.

Maksud hijrah dalam konteks sekarang jelasnya, bukan penghijrahan dari tempat ke tempat walaupun itu perpindahan.

Menurutnya, pengertian yang paling mudah bagi hijrah itu ialah perubahan, di mana kita mempunyai motivasi untuk berubah.

Melalui perubahan itu tambahnya, kita hendaklah meningkatkan diri daripada yang tidak baik kepada yang baik atau daripada yang lebih baik, atau yang terbaik dan seterusnya seperti cemerlang, gemilang dan terbilang.

Dalam tuntutan hijrah ini katanya, manusia mesti berjuang seperti mana yang disabdakan oleh Rasulullah yang bermaksud seorang pejuang itu adalah orang yang berjuang melawan hawa nafsunya dan orang yang berhijrah adalah orang yang meninggalkan apa yang dilarang oleh

Allah Subhanahu Wata'ala.

Tegasnya, sebagai insan kita terikat dengan tujuan penciptaan manusia dan penghijrahan yang semata-mata untuk medekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Menyentuh tema Sambutan Awal Tahun Hijriah 1431 'Ilahi Selamatkan Negara Brunei Darussalam' beliau berpendapat, kita sebagai penduduk negara ini hendaklah mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala supaya negara sentiasa aman sejahtera dan mendapat perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis forum yang berlangsung di Masjid Zainab Kampung Lumut 1 itu Pemangku Penolong Pegawai Daerah

Belait, Awang Morni bin Haji Zakaria.

Forum tersebut dipengerusikan oleh Imam Masjid Pekan Setia, Imam Zulfilmie bin Md. Zain.

Atur cara majlis forum pada malam itu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Zon 3, Awang Haji Aminuddin bin Haji Mohd. Yusof diikuti ucapan sepapur siri Pengerusi majlis, Awang Haji Mas Yose bin Abdul.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad; Penasihat Bersama Majlis Perundingan Kampung Lumut 1, Awang Haji Bujang bin Haji Mas'ut dan Ketua Kampung Lumut 1, Awang Abd. Rahman bin Abdullah.

Mushaf Brunei Darussalam sebagai panduan

Berita dan Foto: Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Khamis, 10 Disember. - Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya yang diterbitkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam menjadi mercu gemilang negara ini.

Perkara tersebut merupakan antara inti pati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan merasmikan mushaf berkenaan yang merupakan salah satu sejarah negara ini kerana telah berjaya menerbitkan sebuah mushaf Al-Qur'an dan tafsirannya.

Dengan adanya pener-

bitan mushaf tersebut dan tafsirannya akan memudahkan umat Islam di negara ini memahami kandungan Al-Qur'an sebagai panduan untuk mencapai kesejahteraan dunia dan akhirat serta menjadi bahan rujukan.

Untuk itu seluruh masjid, surau dan balai ibadat khususnya perpustakaan masjid di negara ini menerima mushaf tersebut.

Di daerah ini sebanyak 24 buah naskah mushaf tersebut dan tafsirannya telah diserahkan oleh tetamu kehormat, Ketua Pe-



KETUA Pegawai Ugama Daerah Belait, Pengiran Haji Yunus bin Pengiran Haji Mohd. Salleh menyerahkan Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya kepada seorang imam masjid berlangsung di Dewan Serbaguna Masjid Muhammad Jamalul Alam.

gawai Ugama Daerah Belait, Pengiran Haji Yunus bin Pengiran Haji Mohd.

Salleh kepada imam-imam dari 12 buah masjid, surau dan balai

ibadat yang diadakan di Dewan Serbaguna Masjid Muhammad Jamalul Alam.

Jilid kedua Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya akan terbit

Oleh: Bolhassan Haji Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Disember. - Jilid kedua Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya yang mengandungi juz empat hingga enam akan terbit sedikit masa lagi.

Menurut Pemangku Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Dayang Hajah Siti Azizah binti Haji Musa, sebagaimana yang dirangkaikan Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya akan diterbitkan dalam sepuluh jilid secara berperingkat-peringkat yang mana setiap satunya akan mengandungi tiga juz dan akan diterbitkan setiap tiga bulan sekali.

Dayang Hajah Siti Azizah mengumumkan perkara itu di Majlis Penyerahan Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya

Juz Satu hingga Tiga kepada masjid-masjid, surau-suru dan balai-balai ibadat di Daerah Brunei dan Muara.

Sebanyak dua naskah Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya disempurnakan penyerahannya oleh Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Kahar bin Haji Hussin di majlis yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Jame' 'Asr Hassanil Bolkihah, Kampung Kiarong, di sini.

Penerbitan Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya dihasratkan akan memudahkan umat Islam di negara ini memahami kandungan Al-Qur'an serta menghayati dan menjadikannya sebagai pandu-

an untuk mencapai kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.

Usaha menerbitkan versi tempatan dengan jumlah cetakan sebanyak 5,000 naskah itu adalah bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan pada 24 Mei 2007 lalu.

Pelancaran Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya jilid pertama telah disempurnakan sendiri oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sul-



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Kahar bin Haji Hussin menyerahkan Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya Juz Satu hingga Tiga kepada seorang wakil Masjid Kampung Salambigar. - Foto : Ramli Tengah.

tan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an 1430 Hijriah.

Proses penyusunan Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya telah diusahakan oleh enam orang

pegawai tempatan lepasan Universiti Al-Azhar, Mesir dan diteliti oleh panel redaksi yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Rasuah membawa kesan kepada ekonomi, politik, sosial



PEMANGKU Pengarah Biro Mencegah Rasuah, Awang Haji Abd. Raub bin Haji Mohd. Yassin semasa menyampaikan Kuliah Integriti pada Sambutan Hari Antarabangsa Membanteras Rasuah 2009 bagi Daerah Tutong, berlangsung di Dewan Serbaguna, Serabangan.

SEJAUH ini pencapaian terbesar di peringkat antarabangsa dalam mencegah dan menentang rasuah telah termeterai satu undang-undang antarabangsa yang pertama iaitu Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Menentang Rasuah dan ditandatangani oleh 141 buah negara termasuk Negara Brunei Darussalam.

TUTONG, Selasa, 15 Disember. - Rasuah adalah masalah global dan tidak ada negara di dunia ini terlepas daripada masalah gejala rasuah yang membawa kesan dan akibat kepada ekonomi, politik dan sosial sesebuah negara.

Di peringkat antarabangsa pula, inisiatif memeringi rasuah semakin dipergiatkan oleh kesatuan-kesatuan ekonomi serantau dan badan-badan antarabangsa.

Pemangku Pengarah Biro Mencegah Rasuah (BMR), Awang Haji Abd. Raub bin Haji Mohd. Yassin menyatakan perkara tersebut semasa Sambutan Hari Antarabangsa Membanteras Rasuah 2009 bagi Daerah Tutong di Dewan Serbaguna, Serabangan.

Hadir selaku tetamu ke-

Berita dan Foto : Shari Haji Garib

hormat di sambutan tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu.

Seterusnya beliau menyatakan, sejauh ini pencapaian terbesar di peringkat antarabangsa dalam mencegah dan menentang rasuah telah termeterai satu undang-undang antarabangsa yang pertama iaitu Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Menentang Rasuah dan ditandatangani oleh 141 buah negara termasuk Negara Brunei Darussalam.

Melalui resolusi 58 / 4 Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Menentang Rasuah katanya, tarikh 9 Disember te-

lah dijadikan Hari Antarabangsa Membanteras Rasuah dan Negara Brunei Darussalam sebagai negara ahli turut menyambut hari tersebut.

BMR jelasnya, telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi membanteras rasuah, salah satu inisiatif itu BMR sedang giat mengadakan Pendidikan Pencegahan Rasuah di sekolah-sekolah dan pengajian tinggi di negara ini.

Membanteras rasuah menurutnya, bukan sahaja dipikul oleh BMR malahan orang ramai mesti berperanan seperti memberikan informasi-informasi yang berkaitan dengan rasuah kepada BMR.

Salah satu atur cara di majlis itu ialah Kuliah Integriti bertajuk 'Bila Hadiah Menjadi Rasuah' yang

juga disampaikan oleh Pemangku Pengarah BMR.

Antara lain beliau menjelaskan, rasuah dari segi istilah ialah sesuatu yang diberikan untuk menyalahkan yang benar atau untuk membenarkan yang sudah jelas salah.

Sesuatu pemberian hadiah itu menurutnya, menjadi rasuah apabila diberi dengan tujuan untuk mendapatkan sesuatu keistimewaan, perkhidmatan atau balasan daripada pihak pegawai kerajaan berkaitan tugas atau urusan rasminya.

Majlis itu telah dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan diakhiri dengan doa selamat oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Kampung Tanjung Maya, Awang Haji Nuin bin Hassan.

AiTi kendalikan Forum ITU

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 15 Disember. - AiTi mengendalikan forum tiga hari bagi International Telecommunication Union (ITU) yang bermula kelmarin di Hotel Rizqun Antarabangsa, Gadong dengan dihadiri Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, selaku tetamu kehormat.

Mengetuai delegasi antarabangsa ialah Pengarah ITU Telecommunication Development Bureau, Tuan Sami Al-Basheer Al-Mroshid.

Beberapa negara, kerajaan dan persendirian dari seluruh negara telah mendaftar untuk menghadiri forum termasuk beberapa sektor-sektor kerajaan dan persendirian tempatan.

Objektif Forum Pembangunan Kapasiti Manusia Serantau ITU adalah untuk mempromosikan kecemerlangan dalam pembangunan kapasiti manusia dalam sektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan telekom.

Forum menyediakan peluang yang unik bagi :

- * Membahas tentang keperluan-keperluan pembangunan kapasiti manusia dalam sektor ICT / telekom awam dan persendirian;

- * Membincangkan amalan terbaik dalam pembangunan kapasiti manusia dan institusi;

- * Rangkaian dengan pandangan ketua-ketua antarabangsa dan serantau terhadap pembelajaran dan pembangunan;

- * Membangun kontrak-kontrak baru dan memenuhi penyedia-penyedia latihan yang beroperasi di rantau Asia Tenggara, dan

- * Membangun inisiatif-inisiatif serantau bagi kerjasama di kalangan pihak-pihak berkepentingan di sektor awam dan persendirian termasuk pembelajaran dan pembangunan.

Pembangunan kapasiti manusia di sektor ICT / telekom adalah penting bagi memajukan negara-negara bagi meningkatkan strategi-strategi ICT kebangsaan mereka untuk pembangunan yang mapan.

Dalam sektor yang mengalami transformasi yang pesat, kepesatan pembangunan dan perubahan mempunyai kesan besar dalam keperluan-keperluan pembelajaran dan pembangunan.

Latihan dan pendidikan dalam kedua-dua sektor awam dan persendirian hendaklah mengemukakan dan mengadaptasikan skop meluas tentang topik-topik yang berkaitan - terdiri dari memberi latihan kepada para penggubal dasar dan perundangan ICT kerajaan kepada para profesional perniagaan, para eksekutif kanan dan pengurus ICT bagi memberi latihan khusus kepada kakitangan teknikal dan operasi.

Sepuluh lagi impian pelanggan dimakbulkan oleh BIBD

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 15 Disember. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) mengabulkan sepuluh lagi impian para pelanggan mereka dalam Kempen Hajat BIBD bagi bulan November yang lalu dan ini juga menandakan hanya tinggal dua bulan saja lagi, di mana satu cerita hajat akan menerima BND1 juta pada bulan Mac 2010 nanti.

Penyampaian anugerah bagi Kempen Hajat BIBD Kelapan berlangsung di Hotel Rizqun Antarabangsa, Gadong di mana sepuluh pemenang bertuah masing-masing dianugerahkan BND8,000 yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Kewangan BIBD, Dayang Hajah Noraini binti Haji Sulaiman.

Para penerima Kempen Hajat kali ini lebih melihat kepada bantuan untuk perniagaan mereka selain ingin membahagiakan keluarga dan juga menghargai pendidikan anak-anak dalam persekolahan serta membebaskan diri dari hutang.

Salah seorang daripada pemenang, Dayang Zureena binti Abdullah ingin menerbitkan majalah wanita yang mengisahkan tentang wanita-wanita tempatan yang telah meraih kejayaan dari pelbagai aspek kehidupan atau perniagaan dan sebagainya.

Katanya, menerusi majalah itu nanti, ianya akan dapat menguatkan lagi semangat kaum wanita di negara ini agar dapat menghargai nilai hidup, keluarga, keagamaan, tanggungjawab dan isu-isu rumahtangga.

Dayang Amalina binti Abdullah ketika ini sedang menubuhkan satu kumpulan bagi belia prihatin digelar 'Sounds of Hope' (SOH).

SOH adalah salah satu cara untuk menghulurkan bantuan derma kepada organisasi-organisasi yang memerlukan seperti menganjurkan konsert-konsert kebajikan dan hasil dari jualan tiket tersebut akan didermakan.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Di antara penerima-penerima lain yang bertuah adalah Dayang Junaidah binti Jumat, Dayang Hajah Sukarni binti Haji Kadir, Dayang Hajah Noriah binti Haji Nordin, Mejar (B) Haji Abdul Rahman bin Haji Md. Salleh, Awang Arippin bin Haji Hashim, Awang Mohd. Asulhamhaidi bin Mohd. Ashrane, Dayangku Raden Kartika binti Pengiran Haji Mahmud dan Dayang Marhaniwati binti Haji Ahmad.

Melalui Kempen Hajat ini juga, BIBD bercadang untuk membantu rakyat Brunei menghadapi cabaran-cabaran dan membentuk tabiat suka menyimpan.

Kempen, antara lain memupuk satu budaya menyimpan di kalangan rakyat Brunei dalam satu cara berdaya tahan dengan menggalakkan pemegang-pemegang akaun untuk meningkatkan simpanan-simpanan setiap bulan.

Sejaknya dilancarkan pada bulan Mac lalu, sebanyak 9,500 hajat-hajat diterima mempamerkan harapan dan impian rakyat Brunei yang berazam untuk memperkembangkan budaya menabung.

Setiap deposit sebanyak BND500 ke dalam akaun simpanan BIBD (Current and Saving Accounts - CASA) akan melayakkan mereka untuk satu cerita hajat.

Walau bagaimanapun, mereka hendaklah mengekalkan minimum BND2,000 dalam akaun mereka untuk layak mengikuti di sepanjang kempen ini.

Bagi keterangan lanjut mengenai Kempen Hajat BIBD boleh berkunjung terus ke mana-mana cawangan BIBD seluruh negara ataupun melayari laman web di www.bibdwith.com.



ANTARA pemenang yang bertuah menerima hadiah di Majlis Penyampaian Anugerah Bagi Kempen Hajat Bank Islam Brunei Darussalam Kelapan, berlangsung di Hotel Rizqun Antarabangsa, Gadong. - Foto : Hatral Hazmi Abd. Hamid.

Dihadapkan ke Mahkamah Majistret atas tuduhan rasuah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Disember. - Seorang pengusaha tempatan, Chen Yin Dji telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan atas satu pertuduhan di bawah Bab 6 (b) Akta Pencegahan Rasuah (Penggagal 131).

Hasil penyiasatan Biro Mencegah Rasuah mendapati bahawa tertuduh pada 30 Ogos 2009 kira-kira jam 1.15 pagi di dalam sebuah kenderaan berdaftar KK 8068 di tempat letak kereta di belakang pejabat Standard Insurance Sendirian Berhad di kawasan surau berdekatan Kompleks Supasave, Gadong, Negara Brunei Darussalam, dengan secara tidak jujur menawarkan wang sebanyak BND200 kepada seorang Pegawai Polis sebagai dorongan untuk tidak membuat siasatan ke atas dirinya dan teman lakinya.

Semasa dihadapkan ke mahkamah tiada pengakuan diambil dari yang tertuduh dan mahkamah memerintahkan supaya tertuduh dibebaskan dengan ikat jamin berjumlah BND10,000 atau dua orang penjamin tempatan. Kes ini akan disebut semula pada 9 Januari 2010 jam 2.00 petang.

Kementerian Kesihatan adakan Projek Kolaborasi dengan Institut Perubatan UBD

JERUDONG, Sabtu, 12 Disember. - Kementerian Kesihatan menyedari akan perlunya pendekatan formal untuk melatih paramedik-paramedik di masa depan.

Ketika berucap di Majlis Penyampaian Sijil Kursus Perkhidmatan-perkhidmatan Perubatan Kecemasan, Ketua Jabatan Kemalangan dan Kecemasan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Dr. Ang Swee Hui berkata Kementerian Kesihatan telah memulakan Projek Kolaborasi dengan Institut Perubatan Universiti Brunei Darussalam (UBD) untuk memulakan diploma dalam sains-sains kesihatan (paramedik).

"Kami telah dibimbing oleh pakar jemputan, Jerry Overton yang memberi kami

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. karim
Foto : Abdullah Haji Awang Damit

motivasi untuk memulakan kurikulum yang akan setaraf dengan Program US EMT-Paramedik. Bersama Insitut Perubatan UBD, kami berharap dapat menawarkan program ini pada Januari 2011," jelasnya.

Beliau menyatakan, salah satu kejayaan paling signifikan bagi Perkhidmatan Ambulans Perubatan Kecemasan (EMAS) ialah penghantaran 12 ambulans yang lengkap sepenuhnya bagi tahun 2009.

Kini katanya, terdapat ambulans-ambulans baru ditempatkan di semua hospital kerajaan di Daerah Brunei dan Muara, Tutong,

Belait dan Temburong yang digunakan untuk memberi khidmat kepada masyarakat.

Dengan ambulans-ambulans baru itu jelasnya, EMAS bukan hanya dapat meningkatkan tindak balas perubatan dan panggilan 991, tapi juga untuk mengagihkan kuasa pusat ambulans-ambulans ke pusat-pusat kesihatan.

Seramai 14 jururawat yang menjalani Kursus Penyedia Perkhidmatan Perubatan Kecemasan menerima sijil mereka di majlis yang berlangsung di Indera Kayangan Ballroom, Empire Hotel and Country Club, di sini.

Penyampaian sijil-sijil disempurnakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

Para jururawat tersebut telah menjalani kursus mereka secara intensif sejak enam bulan lalu sebagai persiapan mereka selaku paramedik.

Sepanjang kursus diadakan mereka menghadiri syarahan-syarahan, pembelajaran praktikal, penempatan klinikal dan sesi kesihatan badan.

Juga hadir di majlis itu, Timbalan Menteri Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair bin Haji Abdullah.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman menyampaikan sijil kepada seorang peserta Kursus Perkhidmatan-perkhidmatan Perubatan Kecemasan.



MENTERI Kesihatan ketika hadir di majlis penyampaian sijil kursus berkenaan.

Brunei tidak terkecuali menerima prosedur klinikal baru dan selamat



PEMANGKU Menteri Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair bin Haji Abdullah merasmikan Bengkel Pembedahan Berpandukan Imej-Sempadan Seterusnya. - Foto : Hatral Hazmi Abd. Hamid.

JERUDONG. - Pemandu Menteri Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair bin Haji Abdullah berkata, Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali dalam menerima prosedur-prosedur klinikal yang baru dan selamat bagi faedah para pesakit, baru-baru ini.

Menyatakan perkara demikian ketika merasmikan Bengkel Pembedahan Berpandukan Imej-Sempadan Seterusnya atau 'Image Guided Surgical (IGS) Workshop - The Next Fron-

KEMAJUAN dalam teknologi dan latihan profesional yang khusus membolehkan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha untuk melakukan pembedahan yang bukan hanya mudah, malahan juga lebih sukar.

- Pemandu Menteri Kesihatan

tier', berlangsung di Indera Kayangan Ballroom, Empire Hotel and Country Club, baru-baru ini.

Yang Dimuliakan Pehin menjelaskan di negara ini, kemajuan dalam teknologi dan latihan profesional yang khusus membolehkan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) untuk melakukan pembedahan yang bukan hanya mudah, malahan juga lebih sukar.

Katanya, perkara itu dicapai melalui bilik-bilik pembedahan yang moden, peralatan perubatan yang terkini dan pasukan pakar

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. karim

bedah yang khusus dalam bidang-bidang yang diperlukan yang kini boleh diperolehi.

Peningkatan dalam penjagaan perubatan terutamanya bagi pembedahan jelasnya, boleh dilihat terutama dalam bidang-bidang pembedahan urat saraf, 'maxilla facial', ortopedik, bedah toraks, ginekologi dan ENT.

Menurutnya, kerjasama antara pakar-pakar bedah khusus dalam pelbagai bidang telah membawa kepada sistem penjagaan kesihatan yang lebih efektif dan para pesakit tanpa ragu lagi mendapat manfaat dengan mendapatkan penjagaan dan rawatan pesakit yang berkualiti melalui peningkatan teknik-teknik keselamatan pesakit dengan ketelitian yang tinggi yang akan mengurangkan kesakitan dan tempoh kemasukan ke hospital.

Rangkaian kerja yang bernilai dengan doktor-doktor bedah terkenal dari hospital-hospital seluruh dunia seperti Amerika, Australia, Perancis, Jerman, India dan Switzerland, jelasnya telah menjadi faktor yang membolehkan bagi peningkatan-peningkatan dalam perkhidmatan-perkhidma-

tan pembedahan di Hospital RIPAS.

Para profesional itu tambahnya, datang ke negara ini sama ada untuk menyertai pasukan pakar bedah tempatan untuk melakukan pembedahan-pembedahan yang sukar atau untuk memberikan latihan.

Yang Dimuliakan seterusnya menjelaskan, negara juga menyaksikan peningkatan jumlah pakar-pakar bedah setiap tahun, di mana ketika ini IGS digunakan secara meluas oleh pakar-pakar bedah ENT, pembedahan otak dan pakar bedah tulang belakang.

Sebagai contoh jelasnya, dalam tahun 2007, sejumlah 709 pembedahan ENT dilakukan dari jumlah itu, 126 ialah pembedahan hidung dan 34 pembedahan endoskop atau 'functional endoscopic surgery-FESS' yang melibatkan IGS.

Pada tahun 2008 katanya, jumlah pembedahan ENT ialah 724 dan dari jumlah itu 130 ialah pembedahan hidung dan FESS sebanyak 36.

Bengkel dianjurkan oleh Jabatan Otorhinolaryngology, Hospital RIPAS dengan kerjasama Jabatan Pembedahan Otopedik dan Jabatan Pembedahan Neuro.

Membuang sampah di tempat awam dikenakan kompaun

Oleh : Shari Haji Garib

SERIA, Isnin, 14 Disember. - Orang awam yang membuang sampah di tempat awam akan dikenakan kompaun dan jika sabit kesalahan mengikut satu akta Bab (12) Akta Kesalahan-kesalahan Kecil Pembuangan Sampah.

Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Jamain bin Momin menyatakan demikian dalam ucapan perasmian Tamunika Sungai Bera, di sini.

Dalam ucapan tersebut beliau berkata, pegawai-pegawai penguat kuasa daripada Lembaga Bandar dan Jabatan Daerah Belait akan sentiasa membuat pemantauan dan membuat pemeriksaan dari semasa ke semasa bagi memastikan orang awam sentiasa mematuhi undang-undang tersebut.

Tempat awam itu katanya, termasuklah tepi-tepi longkang, di atas jalan raya, sungai-sungai, kawasan luar pagar rumah kediaman, stable jalan,

'access' jalan dan 'access' tanah.

Demi menjaga persekitaran negara dan kesejahteraan bersama serta juga untuk mengelakkan sebarang penyakit berjangkit di negara ini beliau mengajak untuk sama-sama bekerjasama bagi memastikan negara ini dan persekitarannya sentiasa dalam keadaan bersih dan selamat.

Menyentuh mengenai Tamunika Sungai Bera, beliau menyatakan terdapatnya tamunika itu merupakan suatu manifestasi Jabatan Daerah Belait sebagai satu usaha berterusan pihak jabatan dalam memeduli dan memberikan perhatian terhadap keperluan penduduk-penduduk Mukim Seria.

Tamunika itu katanya, adalah sebagai ganti tapak lama yang sebelum ini digunakan oleh kalangan

penjaja kerana tidak sesuai, disebabkan terdapatnya kabel-kabel elektrik dan keadaan persekitarannya berkeadaan tidak bersih dan tidak terkawal.

Di antara matlamat pembinaan Tamunika itu ialah memberi kemudahan kepada peniaga-peniaga untuk berniaga dengan lebih selesa dan sempurna dengan mengutamakan kebersihan, kesihatan dan keselamatan termasuk kepada pengunjung.

Tamunika Sungai Bera telah dibina pada tahun 2008 dan siap pada tahun 2009 bernilai BND30,000 dan mempunyai 77 petak termasuk sepuluh petak dalam kawasan beratap.

Setiap penjaja yang beraja di Tamunika itu dikenakan BND10 untuk lesen rampaian bagi tempoh satu tahun, sewa setiap petak beratap BND15 dan setiap petak tidak beratap BND5 untuk satu bulan.

Syarikat perniagaan dikenakan kompaun

TUTONG, Sabtu, 12 Disember. - Sebuah syarikat perniagaan di bawah kawalan Jabatan Daerah Tutong telah dikenakan kompaun sebanyak BND200 kerana melanggar Akta Kesalahan-kesalahan Kecil Bab 12 (1) (a) meletak, melonggok atau mencampakkan sebarang debu, kertas, bangkai binatang, tong, karung dan barang lain di sebarang tempat awam.

Menurut Siaran Akhbar Pejabat Daerah Tutong, syarikat berkenaan dikenakan kompaun dalam operasi mengejut di bawah Bab (12)1 Akta Kesalahan-ke-

salahan Kecil yang diketuai oleh Pemandu Pegawai Penguatkuasaan, Bahagian Penguatkuasaan di Jabatan Daerah Tutong dengan kerjasama Pasukan Polis Daerah Tutong.

Tujuan operasi diadakan semata-mata bagi menjalankan tanggungjawab dalam memastikan undang-undang yang diperuntukkan dapat dilaksanakan dan dipatuhi bagi mencapai matlamat untuk menjadikan Daerah Tutong sebagai sebuah daerah dan kawasan yang sentiasa bersih dan indah.

Buku Koleksi Resipi RBA Siri Ketiga dilancarkan

GADONG. - Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar melancarkan Buku Koleksi Resepi Penyajian Diraja Brunei (RBC) Siri Ketiga dan seterusnya merasmikan pembukaan semula Seasons Restoran setelah menjalani kerja-kerja ubahsua

Oleh : Abdullah Asgar

serta Resepsi Tea sempena pembukaan semula restoran itu.

Buku resipi siri ketiga itu mengandungi 195 muka surat dengan memuatkan beratus menu masakan, dessert (pencuci mulut), hidangan kampung serta minuman panas dan sejuk yang semuanya resipi

tersebut diilhamkan oleh 70 orang dari 200 orang tukang masak yang berkhidmat di RBC.

Segala menu dan masakan di buku juga boleh dicuba oleh orang ramai dan para tukang masak (chefs) di negara ini dengan membeli buku resipi itu.

Antara yang hadir bagi menyaksikan majlis itu ialah Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Haji Alaihuddin yang juga selaku Pengerusi RBC.

Sementara itu, kerja memulakan perniagaan seperti biasa.



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya melancarkan Buku Koleksi Resepi Penyajian Diraja Brunei Siri Ketiga. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

Pesta Pengguna Daerah Tutong meriah



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Haji Idris bin Haji Md. Ali menyaksikan secara dekat produk 'Air Lidah Buaya' yang dipamerkan di Karnival Daerah Tutong. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

TUTONG. - Pesta Pengguna bagi pertunjukan kenderaan bermula bertempat di kawasan lapang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong.

Pelancaran pesta tersebut disempurnakan oleh Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Idris bin Haji Md. Ali.

Pertunjukan tersebut mempamerkan kenderaan-kenderaan seperti pacuan empat roda, motosikal-motosikal berkuasa tinggi, skuter dan kereta lumba.

Satu lagi Pesta Pengguna di Petani Mall Tutong juga dilancarkan oleh Pegawai Daerah Tutong mengetengahkan barangan-barang perkakas rumah, elektronik, perabot-perabot, produk-produk dari pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana (PKS), syarikat-syarikat swasta serta pameran dari agensi-agensi kerajaan seperti Pasukan Polis Diraja Brunei, Biro Kawalan Narkotik dan Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Pesta pengguna tersebut berlangsung selama sepuluh hari.

Selain itu, pelbagai acara dan aktiviti juga dirancang dalam tempoh karnival tersebut bagi menarik masyarakat serta keluarga mereka meluangkan masa menyertainya aktiviti-aktiviti seperti Sukan Ria, Pesta Produk-produk Mukim dan Kampung, Persembahan Kebudayaan dan Kesenian, Cabaran 4 x 4, Walkaton Amal dan Pesta Ria Kanak-kanak.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi
Pg. Haji Ahmad

Pesta Produk-produk Mukim dan Kampung serta Kebudayaan dan Kesenian itu nanti akan dapat lagi menjana aktiviti-aktiviti perekonomian Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) selain memberi peluang kepada pengunjung-pengunjung untuk mengenali produk-produk dan budaya masyarakat Daerah Tutong.

Karnival Daerah Tutong juga bertujuan bagi meningkatkan hasil kutipan Tabung Amal Daerah Tutong dan kutipan derma yang akan diagihkan kepada Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Indonesia dan Ribu Filipina.

Jawatankuasa Pandu Karnival Daerah Tutong mengalu-alukan kehadiran orang ramai bagi memeriahkan lagi karnival yang sedang berlangsung di kawasan lapang Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Kompleks Pasarneka dan Tamu Tutong, Taman Rekreasi Sungai Basong, Kompleks Sukan Tutong dan Petani Mall Tutong.

Karnival tersebut juga antara lain bertujuan membarigakan Daerah Tutong sebagai salah satu destinasi tarikan pelancong dari dalam dan luar negeri.

Pesta Buah-buahan, Kraf Tangan tingkatkan pendapatan

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

LABI. - Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Jamain bin Momin menyatakan meskipun kehadiran produk-produk import dari luar negeri banyak melambak dan lebih murah harganya berbanding produk kraf tangan tempatan namun produk kraf tangan tempatan masih mampu menyayangi mutu dan kualiti produk import.

Sebagai usaha ke arah menghasilkan produk kraf tangan yang bermutu tinggi serta mampu pula bersaing dengan produk import serta dapat bertahan lama di pasaran menyeberangi sempadan, beliau menggesa para pengusaha kraf tangan supaya merangka strategi yang berkesan terutama dalam tatacara pembuatannya.

Katanya, pesta buah-buahan dan kraf tangan merupakan sokongan padu para penduduk kampung terhadap usaha pihak kerajaan ke arah meningkatkan hasil produk tempatan khususnya buah-buahan tempatan dan juga produk kraf tangan.

"Melalui Pesta Buah-buahan dan Kraf Tangan secara tidak langsung akan dapat membantu meningkatkan pendapatan sara hidup di kalangan penduduk," ujar beliau semasa merasmikan Pesta Buah-buahan dan Kraf Tangan Mukim Sukang, berlangsung di Dewan Serbaguna mukim berkenaan.

Katanya, sungguhpun Mukim Sukang antara mukim yang terletak di pedalaman namun kedudukannya yang terpencil itu bukan menjadi batu penghalang untuk dikembangkan tambahan pula, ia masih mempunyai hutan rimba yang luas, kaya dengan berbagai hidupan, keindahan flora dan fauna dan bebas dari sebarang pencemaran menjadikannya antara mukim yang berpotensi tinggi sebagai destinasi pelancongan.

Beliau yakin Pesta Buah-buahan dan Kraf Tangan yang diadakan itu sebagai langkah bijak ke arah memperkenalkan mukim berkenaan kepada pengetahuan masyarakat umum terutama pelancong yang datang melawat negara ini.

Di samping itu tambahan, pesta berkenaan juga merupakan tanda kemufakatan yang ditunjukkan oleh para penduduk kampung dan juga sokongan padu pihak mukim bagi merealisasikan projek satu produk satu kampung yang dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Untuk itu, beliau berharap penduduk di mukim berkenaan akan terus menghasilkan pelbagai produk kraf tangan yang dapat dijadikan sebagai identiti mukim dan melalui penglibatan aktif para penduduk kampung dalam aktiviti perekonomian serta dengan keunikan alam semula jadi kampung akan dapat dijadikan sebagai salah satu destinasi pelancongan di negara ini.

Dengan itu beliau ber-



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Haji Jamain bin Momin semasa merasmikan Pesta Buah-buahan dan Kraf Tangan Mukim Sukang, berlangsung di Dewan Serbaguna mukim berkenaan.

harap para penduduk mukim akan dapat membantu penghulu dan ketua-ketua rumah panjang di mukim tersebut untuk merancang dan melaksanakan apa jua projek atau aktiviti perekonomian dalam usaha meningkatkan lagi pendapatan mereka khususnya dalam penanaman padi dan aktiviti pertanian dan sebagainya.

Sementara itu Pengerusi majlis, Awang Haji Mohammad Noh bin Datu Maharaja Setia Dian menyatakan, pesta tersebut bertujuan menarik pendu-

duk dan masyarakat bandar bertandang di Mukim Sukang memandangkan mereka tidak dapat memasarkan penghasilan kerana jalan penghubung untuk membawa penghasilan belum dapat dilalui.

Pesta anjuran bersama Majlis Perundingan Mukim dan Kampung itu dihasratkan bagi memperkenalkan hasil tanaman buah-buahan tempatan yang masih banyak terdapat di mukim itu selain menggalakkan penduduk kampung bertanam buah-buahan dan membuat kerja kraf tangan.



PEGAWAI Daerah Belait gembira menyaksikan hasil buah-buahan tempatan yang telah diusahakan oleh penduduk Mukim Sukang.

MEMPERTINGKATKAN KESEJAHTERAAN KAMPUNG MELALUI AKTIVITI-AKTIVITI P.E.R.K.A.S.A

PENGENALAN KAMPUNG:

Kampung Kawasan 2, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Rimba, Mukim Gadong 'A' adalah merupakan penempatan perumahan yang disediakan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada rakyat dan penduduk negara ini.

Kampung ini berkeluasan 161.82 hektar dan pada masa ini mempunyai lebih kurang 481 buah rumah dengan jumlah penduduk lebih kurang 4,300 orang.

PENTADBIRAN

Kampung ini diketuai oleh Awang Mohamad bin Haji Kabon, yang mana beliau telah dilantik secara rasmi menjadi Ketua Kampung pada 1 Oktober 2003.

Selain dari itu ketua kampung telah diperkenankan untuk memangku Kawasan 3 dan memata-matai Kawasan 5 Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba sehingga jawatan tersebut dipenuhi.

Bagi membantu Ketua Kampung mengurus, mentadbir dan melaksanakan aktiviti-aktiviti kampung, maka jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung (MPK) telah dibentuk bagi Sesi 2005-2007, Sesi 2007-2012.

MPK RIMBA, MUKIM GADONG 'A' SESI 2007 - 2012

PENASIHAT: Awang Haji Abdul Kahar bin Haji Hussin. **PENGERUSI:** Awang Mohamad bin Haji Kabon. **(KETUA KAMPUNG), TIMBALAN PENERUSI:** Awang Abdul Rahim bin Haji Abdul Latif. **SETIAUSAHA Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Yahya. PENOLONG SETIAUSAHA:** Awang Haji Hashim bin Haji Safar. **BEN-DAHARI** Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Baki.

AHLI-AHLI:

AHLI JAWATANKUASA KEAGAMAAN: Awang Haji Zaman bin Haji Timbang. **(KETUA) AHLI JAWATANKUASA KEBUDAYAAN:** Awang Mohd. Daud bin Haji Che Mat. **(KETUA) AHLI ALIAS bin Haji Tah. (PENOLONG) AHLI JAWATANKUASA SUKAN:** Pengiran Matz bin Pengiran Daud. **(KETUA):** Awang Haji Masli bin Haji Kahar. **(PENOLONG) AHLI JAWATANKUASA EKONOMI:** Awang Haji Hussin bin Haji Yusof. **(KETUA):** Pengiran Othman bin Pengiran Karim. **(PENOLONG) AHLI JAWATANKUASA KESELAMATAN:** Awang Haji Sa'at bin Haji Dollah. **(KETUA):** Awang Mahali bin Haji Tuah. **(PENOLONG) AHLI BIASA:** Awang Junidi bin Haji Abdullah. Awang Ahmad bin Taha; Awang Matassan bin Yusof; Awang Suhaimi bin Haji Idris; Awang Haji Mohd Sani bin Haji Timbang.

Bagi memudahkan pentadbiran, pengurusan, menyampaikan maklumat dan menerima apa-apa jua aduan dan cadangan di antara kedua-dua belah pihak iaitu ketua kampung dan penduduk kampung maka Kawasan 2 RPN Kampung Rimba ini dibahagikan kepada 11 Zon.

Dua orang Penyelaras Zon telah dilantik bagi setiap zon. Lantikan Penyelaras Zon adalah sebagai penghubung diantara Ketua Kampung dan MPK kepada penduduk-penduduk ember dan sebaliknya. Selain dari itu pelantikan penyelaras tidak secara langsung akan menarik lebih ramai keterlibatan dalam sama-sama memeduli hal ehwal kesejah-



HAMPIR 85 peratus penduduk kampung di kawasan perumahan ini menanam dua atau lebih berbagai jenis pokok mangga di halaman rumah mereka.

MAJLIS PERUNDINGAN KAMPUNG KAWASAN 2 RANCANGAN PERUMAHAN NEGARA KAMPUNG RIMBA, MUKIM GADONG 'A' NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

teeraan ember dari sudut kelompok yang kecil. Setiap zon digalakkan membuat sebarang aktiviti-aktiviti yang berfaedah dan berkebajikan dengan terlebih dahulu memaklumkan kepada Ketua Kampung atau Pengerusi Bahagian dalam MPK. MPK akan bersedia ember kerjasama dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti tersebut.

VISI:

MENJADIKAN KAWASAN 2 RPN KAMPUNG RIMBA SEBAGAI KAMPUNG YANG CEMERLANG DALAM MENYATUPADUKAN MASYARAKAT YANG HARMONI, BERDIKARI DAN BERGERAK MAJU.

MISI:

- MENGUKUHKAN KESEJAHTERAAN DAN KECEMERLANGAN KAMPUNG DENGAN:
- MEWUJUDKAN SUASANA RIANG RIA.
- MEMBINA MASYARAKAT YANG INTELEKTUAL.
- MENGAMALKAN KONSEP MUFAKAT.
- MELAHIRKAN KOMUNITI YANG BERSOPAN SANTUN.
- MEMELIHARA PERSEKITARAN AMAN DAMAI.

MOTO:

"MASYARAKAT MUFAKAT, KESEJAHTERAAN DITINGKAT, KAMPUNG BERKAT"

PENERANGAN PROJEK: MEMPERTINGKATKAN KESEJAHTERAAN KAMPUNG

MELALUI AKTIVITI-AKTIVITI P.E.R.K.A.S.A

P - PERHUBUNGAN & PUBLISITI

Penyebaran maklumat melalui media massa, persuratan dan kain rentang dan laman web.

• PELANCARAN LAMAN WEB MAJLIS PERUNDINGAN KAMPUNG KAWASAN 2 RANCANGAN PERUMAHAN NEGARA RIMBA, MUKIM GADONG 'A'

Pelancaran laman web Kampung Kawasan 2 Rancangan Perumahan Negara Rimba, Mukim Gadong 'A' telah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Dato Paduka Awang Haji Serbini bin Haji Ali, pada 26 Jun 2009 (kawasan2rpnkgrimba.blogspot.com).

E- EKONOMI

• Dalam bidang ekonomi, MPK telah mengorak langkah dengan melahirkan satu projek di bawah SATU KAMPUNG SATU PRODUK seperti mana yang telah disarankan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Projek dinamakan HALAMAN KU KEBUN KU iaitu penanaman pokok mangga.

PROJEK HALAMAN KU KEBUN KU

PROJEK BERASASKAN PERTANIAN PENGHASILAN BUAH MANGGA

Projek ini merupakan cetus ilham dari Ketua Kampung Kawasan 2 RPN Kampung Rimba, Awang Mohamad bin Haji Kabon dan dibincangkan bersama dengan AJK MPK pada 5 Disember 2007.

Sebagaimana yang telah disarankan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan



BAGI membentuk remaja dan belia yang bertanggungjawab, remaja dan belia-belia di kampung ini telah dilibatkan dengan kegiatan-kegiatan yang berfaedah seperti kumpulan hadrah, mengaji Al-Qur'an, sukan, bergotong-royong dan lain-lain.

SIRI PERTAMA

Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adnan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, bawaha setiap MPM/MPK hendaklah berusaha untuk mempertingkatkan ekonomi masing-masing melalui projek SATU KAMPUNG SATU PRODUK.

KAJIAN

Hampir 85 peratus penduduk kampung di kawasan perumahan ini menanam dua atau lebih berbagai jenis pokok mangga di halaman rumah mereka.

RASIONAL PROJEK

Untuk mendapatkan sebidang tanah yang bersesuaian dan untuk mendapatkan pekerja kebun/ladang secara penuh masa mungkin akan menimbulkan masalah. Maka satu pendekatan telah diambil, iaitu dengan menjadikan setiap halaman rumah/lot tanah di kawasan perumahan ini sebagai kebun-mikro. Walaupun ia merupakan kebun mikro tetapi apabila dicantumkan ianya akan menjadi satu kebun/ladang yang besar.

Kunjungan pegawai dan kakitangan dari Jabatan Pertanian ke Kawasan 2 RPN Kampung Rimba untuk memberi sedikit talimat dan penerangan serta mengambil maklumat tentang keadaan atau kawasan projek seperti mengambil contoh-contoh tanah.

Tarikh kunjungan: 9 Februari 2008

Ahli-ahli Jawatankuasa MPK diundang untuk mendengar taklimat lanjut di Unit Kemajuan Pertanian Daerah Brunei dan Muara, Jalan Mula - Limpaki pada 24 Mac 2008.

Antara taklimat yang diberikan ialah:

1. Teknologi Penanaman
2. Penyakit Tumbuhan
3. Pemangkas
4. Penggunaan Racun

PERSEDIAAN KE ARAH SATU KAMPUNG SATU PRODUK

• TAKLIMAT TEKNOLOGI PERTANIAN KEPADA PARA PESERTA PROJEK TELAH DI ADAKAN PADA 13 NOVEMBER 2009

Taklimat dipengerusikan oleh Pengerusi Ekonomi MPK Kawasan 2 RPN Kampung Rimba, Pengiran Othman bin Pengiran Karim.

Jabatan Pertanian telah memberikan kerjasama dengan menghantar beberapa orang pegawai-pegawai dan kakitangan dari jabatan tersebut untuk memberikan taklimat. Antara tajuk taklimat yang diberikan ialah:

1. Teknologi Penanaman
2. Penyakit Tumbuhan
3. Pemangkas
4. Penggunaan Baja dan Racun

STRATEGI PELAKSANAAN:

1. Memohon kerjasama dari Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama bagi mendapatkan khidmat nasihat mengenai projek yang dicadang-

kan seperti penyediaan benih mangga, baja, tanah (top soil) dan mengendalikan kursus penanaman dan pemeliharaan.

2. Pemberitahuan mengenai projek kepada penduduk-penduduk melalui surat pemberitahuan.
3. Memohon kebenaran dan peruntukan dari KHEDN.
4. Penduduk-penduduk kampung yang telah didaftarkan mengikuti projek ini akan diberi kursus mengenai dengan tatacara penanaman pokok mangga dan pemeliharaannya oleh pihak Jabatan Pertanian.
5. Projek akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat iaitu mengikut zon-zon yang akan ditentukan kemudian.
6. Peserta-peserta projek akan bertanggungjawab di atas tanaman mereka.
7. Hasil tanaman akan dikutip oleh satu jawatankuasa yang akan dibentuk kemudian.
8. Pemasaran hasil akan dibuat kepada mana-mana syarikat yang berminat untuk membeli produk dari projek ini dengan mengikat perjanjian yang tertentu.
9. Hasil keuntungan akan di bahagi dua di antara peserta projek dengan MPK Kawasan 2, RPN Rimba, Mukim Gadong 'A'.

R - REMAJA & BELIA

• Bagi membentuk remaja dan belia yang bertanggungjawab, remaja dan belia-belia di kampung ini telah dilibatkan dengan kegiatan-kegiatan yang berfaedah seperti kumpulan hadrah, mengaji Al-Qur'an, sukan, bergotong-royong dan lain-lain.

K - KESELAMATAN & KESIHATAN

• Keselamatan dan kesihatan berfungsi untuk memberi kesedaran kepada penduduk kampung mengenai aspek-aspek keselamatan di rumah dan kampung. Antara aktiviti-aktiviti keselamatan dan kesihatan adalah seperti berikut:

- Kursus Asas Mencegah Kebakaran
- Kursus Asas Pertolongan Cemas
- Kempen Pemeriksaan Kesihatan dan Menderma Darah
- Ceramah Biro Kawalan Narkotik
- Ceramah Mencegah Jenayah

S - SOSIAL

• Menyertai Peraduan Pintu Gerbang Sempena Sambutan Puja Usia Ke-61 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Tahun 2007 dan Tahun 2008.

- Memenangi Tempat Pertama Pertandingan Pintu Gerbang Kategori Mukim Dan Kampung 2008 Sempena Hari Puja Usia Ke-62 Kebawah Duli Yang Maha Mulia
- Penaikan bendera kebangsaan bagi Mukim Gadong 'A' sempena sambutan Hari Keputeraan yang ke-62 tahun Kebawah DYMM
- Kumpulan Hadrah MPK Ka-

untuk menyebarkan pengetahuan ini kepada seluruh penduduk kampung di kawasan ini agar sekurangnya setiap rumah akan ada salah seorang ahli keluarganya mengetahui aspek pencegahan kebakaran. Apa yang diharapkan projek ini nanti, insya-Allah akan dapat mengurangkan kejadian kebakaran dan dengan itu nanti akan dapat meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

Projek dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut zon

CERAMAH DAN TAKLIMAT MENCEGAH DAN MEMADAM KEBakaran FASA PERTAMA MELIBATKAN AJK MPK DAN AJK KECIL ZON PADA 19 JUN 2009

MAJLIS PELANCARAN PROJEK P.A.D.A.M PADA 26 JUN 2009

ZON PERTAMA YANG MELAKSANAKAN PROJEK P.A.D.A.M - ZON 3 (RIMBA MAKAMUR) PADA 16 OGOS 2009

• Kegiatan keagamaan telah bermula sebelum lagi perantaraan ketua kampung dikawasan ini. Aktiviti keagamaan dijalankan atas inisiatif beberapa orang penduduk kampung yang sangat prihatin untuk mengembangkan syiar agama Islam dengan menubuhkan kumpulan dikir dan membuka kelas mengaji Al-Qur'an dan IQRA dewasa pada tahun 2002.

• Kegiatan keagamaan semakin tahun semakin berkembang dan dipertingkatkan setelah perantaraan ketua kampung di mana aktiviti-aktiviti keagamaan telah dapat dirancang dan dilaksanakan berkat sokongan padu dari jawatankuasa MPK dan penduduk-penduduk kampung.

• Antara kegiatan sulung yang telah dilaksanakan oleh MPK di bawah pimpinan ketua kampung ialah projek Penandaan Hala Kiblat Fasa I secara berkelompok di rumah-rumah penduduk kampung dengan kerjasama Jabatan Ukur. Majlis pelancarannya telah diadakan pada hari Jumaat, 13 Rabiulawal 1426 bersamaan 22 April 2005.

• Majlis-majlis Bertahlil dan Membaca Doa Arwah Sekolah dan Penyampaian Derma Kepada Anak-anak Yatim diadakan setiap tahun

• Sambutan Awal Tahun Baru Hijrah diadakan secara sederhana di kalangan Ahli-ahli Jawatankuasa MPK, Ahli-ahli Kelas Al-Qur'an & Kumpulan Dikir.

• Berdikir ke rumah-rumah sempena Maulid Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dibukakan kepada penduduk kampung yang ingin menjadi tuan rumah.

• Kelas mengaji IQRA dan Al-Qur'an bagi kanak-kanak dan belia

- SUKAN & SOSIAL

Beberapa kegiatan sukan dan sosial telah dijalankan seperti:

- Acara Walkaton Amal 2006
- Acara Walkaton Cara Hidup Sihat 2007
- Acara Walkaton Amal 2008 - 24 Ogos 2008
- Perlawanan Sepak Takraw Terbuka Seluruh Daerah 2007 - Anjuran MPK Kawasan 2 RPN Kampung Rimba
- Sukan bola tampar

S - SOSIAL

• Menyertai Peraduan Pintu Gerbang Sempena Sambutan Puja Usia Ke-61 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Tahun 2007 dan Tahun 2008.

• Memenangi Tempat Pertama Pertandingan Pintu Gerbang Kategori Mukim Dan Kampung 2008 Sempena Hari Puja Usia Ke-62 Kebawah Duli Yang Maha Mulia

• Penaikan bendera kebangsaan bagi Mukim Gadong 'A' sempena sambutan Hari Keputeraan yang ke-62 tahun Kebawah DYMM

• Kumpulan Hadrah MPK Ka-

wasan 2, RPN Rimba

• Projek gotong-royong membersihkan tapak untuk beriadah - Atas keprihatinan dan usaha penduduk-penduduk kampung dan sokongan MPK serta kerjasama dan bantuan Jabatan Daerah Brunei dan Muara dan Jabatan Kemajuan Perumahan, satu projek gotong-royong membersihkan kawasan lapang di Jalan 42 telah dapat dilaksanakan pada 23 Mac 2009.

Tujuan projek ini dilaksanakan adalah untuk membuka satu kawasan khas bagi penduduk-penduduk kampung mengadakan aktiviti-aktiviti riadah dan sebagainya.

A - ALAM SEKITAR

Isu alam sekitar telah menjadi satu isu yang penting pada masa ini. Kebawah DYMM telah pernah bertitah menyentuh mengenai kebersihan alam sekitar sempena Hari Keputeraan baginda yang ke-62.

Dalam hal ini MPK telah pun berjaya mengukuhkan Projek M.A.W.A.R. 'Projek M.A.W.A.R mempunyai 4 fasa iaitu:

1. Kempen Kebersihan
2. Kecantikan
3. Landskap
4. Pemeliharaan

PROJEK - M.A.W.A.R

MENJAGA, MEMELIHARA DAN MENCANTIKAN; ALAM SEKITAR SEBAGAI; WAWASAN DAN AMALAN

RAKYAT DAN PENDUDUK KAWASAN 2 RPN KAMPUNG RIMBA

OBJEKTIF M.A.W.A.R

- Mewujudkan sikap bertanggungjawab serta bekerjasama dalam menjaga dan memelihara tahap kebersihan dan kecantikan kawasan dan alam sekitar kampung.
- Memupuk kesedaran akan pentingnya kebersihan demi menghindarkan sebarang pencemaran dan penyakit.
- Mengeratkan perpaduan dan hubungan silaturahim di kalangan masyarakat (komuniti) kampung melalui aktiviti kebajikan.
- Sebagai landasan pemimpin-pemimpin kampung ke arah membimbing dan mendorong penglibatan masyarakat khususnya belia-belia dalam budaya bergotong-royong sekali gus menyokong aktiviti-aktiviti kampung.

PELANCARAN PROJEK MAWAR DI ZON 4 - 6 APRIL 2008

• Kempen Kebersihan Di Peringkat Zon-zon

- ZON 1 pada 20 APRIL 2008
- ZON 2 pada 4 MEI 2008
- ZON 3 - RIMBA MAKAMUR pada 18 MEI 2008
- ZON 6 pada 8 JUN 2008

• Pelaksanaan Fasa III (Landskap) dalam Projek MAWAR bagi Zon 3 - RIMBA MAKAMUR

- ZON 5 - RIMBA IMPIAN pada 8 JUN 2008

FAEDAH YANG DIPEROLEHI:

a. Dapat menjana budaya gotong-royong di kalangan penduduk kampung terutamanya yang melibatkan para belia.

b. Menjana budaya bersih terhadap alam sekitar yang menampakkan keindahan dan kebersihan persekitaran kampung.

c. Mengeratkan rasa muhibah dan mesra di kalangan penduduk kampung, bersatu padu membawa berkat, menyatukan para ibu untuk bersuami kenal.

RANCANGAN MASA DEPAN (PROJEK YANG DIKENDALIKAN OLEH MPK KAWASAN 2, RPN RIMBA, MUKIM GADONG 'A')

A - PROJEK "EXPOSE"

1. PENDAHULUAN:

1.1 'EXPOSE' merupakan satu inisiatif yang di rancang oleh Jawatankuasa Bahagian Ekonomi, MPK Kawasan 2, RPN Kampung Rimba, Mukim Gadong 'A'.

1.2 'EXPOSE' dapat dierti-

kan 'DEDAH', 'PAMER' dan sebagainya.

1.3 Singkatan 'EXPOSE' bermaksud 'Exploring Potential Opportunities on Sustainable Enterprises' atau dalam bahasa Melayu 'Meneroka Peluang-peluang Potensi bagi Perusahaan-perusahaan Berdaya Tahan'.

2. TUJUAN:

2.1 Membuka peluang-peluang kepada rakyat dan penduduk khususnya Kawasan 2 RPN Kampung Rimba ke arah bergiat dalam perusahaan atau perniagaan kecil-kecilan demi menambahkan tahap pendapatan dan memantapkan ekonomi keluarga dan kampung.

3. MATLAMAT:

3.1 Mewujudkan masyarakat yang sentiasa mahu berusaha dan maju ke hadapan.

3.2 Memberikan dorongan kepada masyarakat untuk bergiat dalam perusahaan atau perniagaan kecil-kecilan yang berdaya tahan.

3.3 Membuka minda dan peluang-peluang perdagangan dan pemasaran akan penghasilan masyarakat kampung dengan lebih sistematik, kreatif dan berkesan.

3.4 Membantu meningkatkan tahap pendapatan dan ekonomi masyarakat kampung.

3.5 Mendukung aspirasi dan konsep 'Satu kampung satu produk'.

4. FASA PELAKSANAAN:

4.1 FASA I - Pengumpulan data bagi perusahaan/perniagaan yang diusahakan oleh penduduk/masyarakat kampung.

4.2 FASA II - Taklimat/Bengkel/Latihan asas perusahaan dan perniagaan.

4.3 FASA III - Penubuhan Koperasi Kampung.

4.4 FASA IV - Skim-skim pandu (Pilot schemes).

5. SASARAN:

5.1 Penduduk yang tidak mempunyai pekerjaan tetap.

5.2 Penduduk yang berpendapatan rendah.

B - PESTA SUKAN MPK, MUKIM GADONG 'A'

1. PENDAHULUAN:

1.1 Pesta Sukan MPK Kawasan 2, RPN Kampung Rimba, Mukim Gadong 'A' yang julung kali diadakan ini adalah anjuran Jawatankuasa Bahagian Sosial dan Sukan dengan kerjasama AJK Kecil Zon (JKKZ), MPK Kawasan 2, RPN Kampung Rimba.

1.2 Pesta Sukan ini diadakan dengan tujuan dan matlamat berikut:-

1.2.1 Mengeratkan perpaduan dan hubungan silaturahim di kalangan penduduk/masyarakat Kawasan 2, RPN Kampung Rimba melalui kegiatan sukan.

1.2.2 Mendukung dan melaksanakan aktiviti yang disusun oleh Jawatankuasa MPK Kawasan 2, RPN Kampung Rimba.

1.2.3 Mendorong AJK Kecil Zon Kawasan 2, RPN Kampung Rimba untuk bekerjasama mengendalikan program atau aktiviti MPK.

1.2.4 Mencungkil bakat dan memilih pemain yang bakal mewakili kontinjen Kawasan 2, RPN Kampung Rimba ke Pesta Sukan di peringkat Kampung/Kawasan di bawah Mukim Gadong 'A' atau Pesta Sukan antara Mukim Mukim.

2. PENYERTAAN:

2.1 Pesta Sukan ini hanya dibukakan kepada penyertaan penduduk-penduduk Kawasan 2, RPN Kampung Rimba sahaja.

2.2 Setiap peserta hendaklah penduduk tetap dan bermastautin di Kawasan 2, RPN Kampung Rimba tidak kurang dari 3 bulan dan hendaklah mewakili gabungan Zon masing-masing.

2.3 Gabungan Zon bagi Pesta Sukan tahun ini adalah dibahagikan seperti berikut:-

1. ZONE A- Zon 1, Zon 10 dan Zon 11
2. ZONE B- Zon 2, Zon 3 dan Zon 4
3. ZONE C- Zon 5 dan Zon 6
4. ZONE D- Zon 7, Zon 8 dan Zon 9

Bolehkah Memberhentikan Sembahyang Bersendirian Untuk Menyertai Sembahyang Berjema'ah?

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

MENGERJAKAN sembahyang secara berjema'ah adalah afdhal daripada mengerjakannya bersendirian. Ini adalah sebagaimana yang disebutkan dalam sebuah hadits bahawa kelebihan dua puluh tujuh kali ganda darjatnya daripada sembahyang secara bersendirian. Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda maksudnya: "Sembahyang berjema'ah itu lebih afdhal daripada sembahyang bersendirian dengan dua puluh tujuh darjat." (Hadis riwayat al-Bukhari)

Persoalan yang ingin ditimbulkan ialah mengenai orang yang sedang bersembahyang bersendirian, kemudian semasa dia bersembahyang itu ada kumpulan lain datang dan mendirikan sembahyang secara berjema'ah. Adakah dibolehkan orang tersebut memberhentikan sembahyang yang dilakukannya secara bersendirian itu untuk menyertai sembahyang berjema'ah bagi mendapatkan kelebihan sembahyang berjema'ah itu.

Hukum Memberhentikan Sembahyang

Pada dasarnya memberhentikan sembahyang fardhu sebelum ia sempurna dikerjakan adalah ditegah dan hukumnya haram. Ini berdasarkan firman Allah Subhanahu wa Ta'ala tafsirnya: "Dan janganlah kamu bantalkan amal-amal kamu." (Surah Muhammad: 33).

Akan tetapi jika dilakukan atas sebab-sebab tertentu yang dibenarkan oleh syara', maka hukumnya adalah harus.

Adapun memberhentikan sembahyang sunat pula hukumnya tidaklah diharamkan sekalipun ia dilakukan bukan kerana keuzuran. Wa-

lau bagaimanapun menyempurnakan sembahyang sunat tersebut sehingga selesai adalah disunatkan.

Apakah Perkara-perkara Yang Mengharuskan Untuk Memberhentikan Sembahyang?

Di antara perkara yang mengharuskan seseorang itu keluar daripada sembahyangnya, di antaranya ialah:

1. Apabila mendapati seseorang berada dalam bahaya atau kecelakaan. Umpanya seorang buta yang hampir terjatuh ke dalam perigi, atau seseorang yang hampir diserang binatang buas dan tidak ada cara lain untuk menegur atau memberi peringatan kepadanya kecuali dengan memberhentikan sembahyangnya. Jadi dalam situasi atau keadaan ini adalah harus bahkan wajib ke atasnya menegurnya dengan percakapan sekalipun dengan berbuat demikian membatalkan sembahyangnya demi mengelakkan sebarang kecelakaan, kecederaan, kehilangan atau menyelamatkan nyawa dan harta benda.

2. Khusus bagi orang yang bersembahyang sunat sahaja, adalah harus dia keluar daripada sembahyangnya kerana menyahut panggilan ibu bapa. Bahkan menyahut panggilan ibu bapa itu adalah afdhal. Menurut Imam Ibnu Hajar Rahimahullah, menyahut panggilan ibu bapa ketika di dalam sembahyang sunat menjadi satu kewajipan bilamana ibu bapa boleh merasa dukacita sekiranya panggilan mereka itu tidak dijawab atau tidak diendahkan.

3. Untuk menyertai sembahyang berjema'ah bagi orang yang memulakan sembahyangnya secara bersendirian kerana semasa dia

sembahyang bersendirian itu sembahyang jema'ah mula didirikan.

Syarat Memberhentikan Sembahyang Bersendirian Untuk Menyertai Sembahyang Berjema'ah

Hal memberhentikan sembahyang yang dilakukan secara bersendirian untuk menyertai sembahyang berjema'ah adalah diharuskan, tetapi hendaklah dengan mengambil kira beberapa perkara seperti berikut:

1. Sembahyang Fardhu;

Apabila seseorang sudah memulakan sembahyang fardhu secara bersendirian, kemudian ketika mengerjakan sembahyang itu dia mendapati sembahyang fardhu yang sama dikerjakan secara berjema'ah, maka adalah harus dan afdhal dia memberhentikan sembahyangnya semata-mata untuk mengikuti jema'ah.

Begitu juga sunat menukar niat sembahyang fardhunya itu kepada sembahyang sunat dua rakaat wadaun, kehilangan atau menyelamatkan nyawa dan harta benda.

Akan tetapi untuk menukar niat sembahyang fardhu kepada sembahyang sunat dua rakaat kerana menyertai sembahyang jema'ah ini hanya boleh dilakukan jika:

1. Waktu sembahyang masih lagi panjang, yang mana jika dia menukar niat sembahyangnya sebagai sembahyang sunat dua rakaat, dia yakin setelah menyempurnakan sembahyang sunat dua rakaat itu dia akan sempat melakukan sembahyang jema'ah yang disertainya itu di dalam waktunya.

2. Melakukan jenis sembahyang fardhu yang sama dengan sembahyang jema'ah yang ingin disertainya itu. Contohnya seseorang se-

dang bersembahyang Zohor secara bersendirian kemudian datang sekumpulan yang lain untuk mendirikan sembahyang Zohor juga secara berjema'ah.

3. Imam sembahyang jema'ah yang ingin disertainya itu harus dan tidak makruh untuk diikuti (dijadikan imam). Misalnya hendaklah imam tersebut bukan seorang yang fasiq.

4. Orang yang bersembahyang bersendirian itu belum mengerjakan rakaat ketiga bagi sembahyang fardhunya yang tiga rakaat atau rakaat keempat bagi sembahyang fardhunya yang empat rakaat. Jika rakaat ketiga atau keempat itu sudah dikerjakannya, maka hendaklah disempurnakan sembahyang fardhu berkenaan terlebih dahulu, kemudian bolehlah diulangi sembahyang fardhu itu lagi secara berjema'ah.

Namun jika waktu tidak mencukupi ataupun sembahyang fardhu yang dilakukan secara berjema'ah itu berbeza dengan sembahyang fardhu yang dilakukannya secara bersendirian maka haram dia menukar niat sembahyang fardhunya itu kepada sembahyang sunat dua rakaat. Seperti contoh seseorang yang bersembahyang Zohor secara qadha haram menukar niat sembahyang fardhunya itu kepada sembahyang sunat dua rakaat kerana sembahyang berjema'ah yang ingin disertainya itu adalah sembahyang Asar.

2. Sembahyang Sunat;

Seseorang yang sedang mengerjakan sembahyang sunat, kemudian dia mendapati sembahyang fardhu berjema'ah didirikan, maka dalam keadaan ini jika dia tidak merasa bimbang akan ketinggalan sembahyang jema'ah tersebut, sunat dia menyempurnakan sembahyang

yang sunatnya itu. Tetapi jika dia merasakan bahawa dengan menyempurnakan sembahyang sunatnya itu akan menyebabkan ketinggalan jema'ah, maka sunat dia memberhentikan sembahyang sunatnya itu dan menyertai jema'ah kerana sembahyang berjema'ah itu adalah lebih afdhal.

Jika kita terlepas untuk melakukan sembahyang fardhu secara berjema'ah kerana telah mengerjakan sembahyang tersebut secara bersendirian maka adalah sunat mengulangi sembahyang fardhu itu lagi secara berjema'ah kerana hukum mengulangi sembahyang itu adalah sunat. Perkara mengulangi sembahyang ini ada disebutkan dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Jabir bin Yazid bin al-Aswad al-Amiry, dari bapanya, dia berkata maksudnya: "Aku telah hadir bersama Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam pada masa haji (Wid'anya, Maka aku sembahyang bersamanya sembahyang subuh di masjid al-Khaif,

Dia (bapa Jabir) berkata: "Apabila dia (Rasulullah) telah selesai dari sembahyangnya dan beredar, dia melihat dua orang lelaki dalam kumpulan yang lain tidak mengerjakan sembahyang bersamanya.

Baginda bersabda: "Dan hadapkan (bawakan) kepada mereka berdua." Lalu dihadapkan mereka itu dan mereka mula menggigil ketakutan."

Baginda bersabda: "Apa yang menghalangi kamu berdua untuk bersembahyang bersama kami?"

Mereka berdua berkata: "Wahai Rasulullah sesungguhnya kami telah mengerjakan sembahyang kami di tempat (rumah) kami."

Baginda bersabda: "Jangan kamu lakukan itu. Jika



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti

E-mail : mufti@brunet.bn

Fatwa@brunet.bn

BILANGAN 344

kamu berdua telah mengerjakan sembahyang di tempat kamu, kemudian kamu berdua datang ke masjid di mana sembahyang jema'ah sedang dilakukan, maka sembahyanglah kamu berdua bersama mereka, sesungguhnya (sembahyang itu) bagi kamu berdua menjadi sembahyang sunat."

(Hadis riwayat at-Tirmidzi dan Abu Da'ud).

Sebagai kesimpulan, sembahyang fardhu yang dilakukan secara bersendirian harus dan afdhal diberhentikan untuk menyertai sembahyang berjema'ah jika merasa bimbang akan ketinggalan sembahyang jema'ah itu.

Namun jika tidak merasa bimbang akan ketinggalan sembahyang jema'ah maka sunat menukar niat sembahyang fardhunya kepada sembahyang sunat. Akan tetapi selepas mengerjakan sembahyang sunat itu dia hendaklah yakin akan sempat mengerjakan sembahyang berjema'ah itu di dalam waktunya.

Begitu juga jika berada dalam rakaat ketiga bagi sembahyang fardhunya yang tiga rakaat atau rakaat keempat bagi sembahyang fardhunya yang empat rakaat maka hendaklah dia menghabiskan sembahyang fardhunya itu terlebih dahulu dan sunat mengulangi sembahyang fardhu itu lagi secara berjema'ah.

Dalam sembahyang sunat pula, jika tidak merasa bimbang akan ketinggalan sembahyang jema'ah tersebut, sunat dia menyempurnakan sembahyang sunatnya itu. Tetapi jika merasa bimbang dengan menyempurnakan sembahyang sunatnya itu akan menyebabkan ketinggalan jema'ah, maka sunat dia memberhentikan sembahyang sunatnya itu dan terus menyertai sembahyang jema'ah.

Maka dengan demikian fadhilat sembahyang berjema'ah itu masih dapat diraih walaupun sedang atau setelah sembahyang bersendirian tertakluk kepada keadaan-keadaan yang telah dijelaskan.

Wallahu'alam

MUHARAM adalah bulan pertama dalam tahun Islam (Taqwim Hijriah). Sebelum Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berhijrah dari Mekah ke Yatrib, kiraan bulan dibuat mengikut tahun Masihi. Hijrah Rasulullah memberi kesan besar kepada Islam sama ada dari sudut dakwah Rasulullah, ukhuhah dan syiar Islam itu sendiri.

Pada asasnya, Muharam membawa maksud 'diharamkan' atau 'dipantangkan' iaitu Allah Subhanahu Wata'ala melarang melakukan peperangan atau pertumpahan darah pada bulan tersebut. Namun demikian larangan ini ditamatkan setelah pembukaan Mekah. Sejak pemansuhan itu, umat Islam boleh melaksanakan tugas dan ibadat harian tanpa terikat lagi dengan larangan tersebut. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menamakan bulan Muharam sebagai bulan Allah (Shahrullahi).

Daripada Al-Hassan Al-Basri Rahimahumullah berkata yang bermaksud :

"Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala telah membuka lembaran tahun baru di dalam taqwim Islam dengan bulan Muharam. Tidaklah kedapatan bulan yang lebih mulia dalam taqwim Islam di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu selepas bulan Ramadan melainkan bulan Muharam. Ianya dinamakan bulan Allah yang khas disebabkan besarnya kehormatannya."

Khalifah Umar Al-Khattab mula membuat penetapan kiraan bulan dalam Hijriah pada awal bulan Muharam. Bulan itu penuh dengan peristiwa dalam sejarah tamadun Islam. Selama 30 hari itu penuh dengan pelbagai keistimewaan. Teristimewa adalah sepuluh hari pertama. Banyak peristiwa penting yang berlaku di mana mencerminkan kegembiraan bagi perjuangan yang gigih dan tabah bagi menegakkan keadilan dan kebenaran sejak zaman-berzaman dalam sejarah Muharam yang dikenali dengan nama 'Asyura'. Beberapa perkara penting berlaku pada Muharam mengikut pandangan cendekiawan ilmu dalam, termasuk bulan ini Allah mencipta syurga dan bumi, menyelamatkan Nabi daripada kezaliman musuh dan mencipta Nabi Adam Alaihissalam.

Pada hari Asyura' iaitu pada hari 10 Muharam pula bahtera Nabi Nuh Alaihissalam diselamatkan di Gunung Judi, Nabi Ibrahim Alaihissalam diselamatkan daripada api Namrud dan Nabi Musa Alaihissalam diselamatkan daripada kezaliman Fir'aun.

Asyura adalah hari paling mulia di dalam bulan Muharam sebagaimana diriwayatkan oleh Abu Daud, daripada Ibnu 'Abbas Radiallahuanhuma Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

"Apabila Nabi berhijrah ke Madinah, orang Yahudi di Madinah berpuasa pada 10 Muharam dan mereka mengatakan pada hari itulah Nabi Musa diselamatkan daripada kezaliman Fir'aun. Nabi Musa diselamatkan bersama sahabat baginda, tetapi Fir'aun dan askarnya lemas dalam sungai. Itu se-

babnya kami berpuasa pada Hari Asyura. Apabila baginda mendengar penjelasan mereka, baginda kemudian dengan bangga bahawa kami paling berhak dan paling dekat kepada Nabi Musa lebih daripada kamu sekalian dalam semua aspek. Maka Rasulullah menyuruh umat Islam berpuasa pada hari Asyura."

Abul-Laitis meriwayatkan dari Ibnu 'Abbas Radiallahuanhuma berkata: Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

"Barang siapa yang berpuasa pada hari Asyura' iaitu 10 Muharam, maka Allah Subhanahu Waat'ala akan memberikan kepadanya pahala sepuluh ribu malaikat dan barang siapa yang puasa pada hari Asyura, maka akan diberikan pahala sepuluh ribu orang Haji dan Umrah dan sepuluh ribu

orang mati syahid dan siapa yang mengusap kepala anak yatim pada hari Asyura', maka Allah Subhanahu Wata'ala akan menaikkan dengan rambut satu darjat. Dan barang siapa yang memberi buka puasa orang mukmin yang berpuasa pada hari Asyura', maka semolah-olah memberi buka puasa semua umat Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan mengenyangkan perut mereka."

Adapun terdapat banyak amalan sunat yang dilakukan pada 10 Muharam iaitu:

* **Puasa sunat hari Asyura'**: Allah menjanjikan pahala laksana seribu kali haji, seribu umrah, seribu syahid dan dihapuskan daripada neraka.

* **Menjamu orang berbuka puasa**: Allah memberi pahala, seperti memberi seribu kali haji dan berbuka puasa.

* **Sembahyang sunat empat rakaat**: Niatnya: "Sahaja aku Sembahyang Sunat Hari Asyura empat rakaat kerana Allah Ta'ala." Pada rakaat pertama dan kedua selepas Fatihah, baca surah Qulhuwallah sebelas kali. Allah akan mengampunkan dosanya, walaupun berlarutan 50 tahun melakukannya.

* **Membaca Qulhuwallah seribu kali**: Allah akan memandangnya dengan pandangan rahmat di akhirat.

* **Mandi sunat**: Niatnya: "Sahaja aku mandi sunat Asyura kerana Allah Ta'ala." Allah memberi kesihatan yang baik dan tidak sakit tenat mata pada tahun itu.

* **Memelihara kehormatan diri**: Allah mengurniakan hidupnya sentiasa diterangi cahaya keimanan.

* **Bersedekah**: Allah



Menghayati kemuliaan bulan Muharam

menjauhkannya daripada neraka sekadar jauh seekor gagak terbang tidak terhenti-henti hingga ia mati dan diberi pahala seperti bersedekah kepada fakir miskin di dunia ini.

* **Menahan marah**: Allah memasukkannya ke dalam golongan orang yang redha.

* **Melapangkan belanja anak isteri**: Allah akan melapangkan hidupnya pada tahun itu

* **Memuliakan fakir miskin**: Allah memuliakannya dalam kubur.

* **Membaca Surah Al-Infithaar**: Jika seseorang yang ditimpa musibah seperti demam membacanya ketika mandi, insya-Allah akan sembuh.

Dengan ketibaan bulan yang mulia ini, umat Islam digalakkan untuk mengambil peluang melakukan

amalan dan ibadat yang disarankan agar dapat menambah lagi keberkatan dan kenikmatan yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada umatnya. Semoga Allah melimpahkan rezeki dan kurnia-Nya untuk kita agar sentiasa mendekatkan diri kita dengan segala kekuatan, keindahan, kasih sayang, ketakwaan, keimanan dan kebahagiaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Dari Jabir bin Abdullah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

"Barang siapa memberi kelapangan bagi dirinya dan bagi keluarganya pada hari Asyura' maka Allah akan memberi kelapangan baginya sepanjang tahun itu."



	JANUARI Muharram 1431 / Safar 1431	FEBRUARI Safar 1431 / Rabiulawal 1431	MAC Rabiulawal 1431 / Rabiulakhir 1431	APRIL Rabiulakhir 1431 / Jamadilawal 1431	MEI Jamadilawal 1431 / Jamadilakhir 1431	JUN Jamadilakhir 1431 / Rejab 1431	JULAI Rejab 1431 / Syaaban 1431	OGOS Syaaban 1431 / Ramadan 1431	SEPTEMBER Ramadan 1431 / Syawal 1431	OKTOBER Syawal 1431 / Zulkaedah 1431	NOVEMBER Zulkaedah 1431 / Zulhijah 1431	DISEMBER Zulhijah 1431 / Muharram 1432
Isnin		1 16	1 15		31 Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei 17			30 20			1 24	
Selasa		2	2 16			1 18		31 21			2 25	
Rabu		3	3 17			2 19			1 22		3 26	1 25
Khamis		4	4 18	1 16		3 20	1 18		2 23		4 27	2 26
Jumaat	1 Awal Tahun Masihi 15	5 20	5 19	2 17		4 21	2 19		3 24	1 22	5 28	3 27
Sabtu	2 (Sebagai ganti hari Jumaat)	6 21	6 20	3 18	1 16	5 22	3 20		4 25	2 23	6 29	4 28
Ahad	3	7 22	7 21	4 19	2 17	6 23	4 21	1 20	5 26	3 24	7 30	5 29
Isnin	4	8 23	8 22	5 20	3 18	7 24	5 22	2 21	6 27	4 25	8 31	6 30
Selasa	5	9 24	9 23	6 21	4 19	8 25	6 23	3 22	7 28	5 26	9 32	7 31
Rabu	6	10 25	10 24	7 22	5 20	9 26	7 24	4 23	8 29	6 27	10 33	8 32
Khamis	7	11 26	11 25	8 23	6 21	10 27	8 25	5 24	9 30	7 28	11 34	9 33
Jumaat	8	12 27	12 26	9 24	7 22	11 28	9 26	6 25	10 31	8 29	12 35	10 34
Sabtu	9	13 28	13 27	10 25	8 23	12 29	10 27	7 26	11 32	9 30	1 36	11 35
Ahad	10	14 Tahun Baru Cina 29	14 28	11 26	9 24	13 30	11 28	8 27	12 33	10 31	2 37	12 36
Isnin	11	15 (Sebagai ganti hari Ahad)	1 15	12 27	10 25	14 31	12 29	9 28	13 34	11 32	3 38	1 37
Selasa	12	16	2 16	13 28	11 26	15 32	13 30	10 29	14 35	12 33	4 39	2 38
Rabu	13	17	3 17	14 29	12 27	16 33	14 31	11 30	15 36	13 34	5 40	3 39
Khamis	14	18	4 18	15 30	13 28	17 34	15 32	12 31	16 37	14 35	6 41	4 40
Jumaat	15	19	5 19	16 31	14 29	18 35	16 33	13 32	17 38	15 36	7 42	5 41
Sabtu	16	20	6 20	17 32	15 30	19 36	17 34	14 33	18 39	16 37	8 43	6 42
Ahad	17	1 Safar 21	7 21	18 33	16 31	20 37	18 35	15 34	19 40	17 38	9 44	7 43
Isnin	18	2 22	8 22	19 34	17 32	21 38	19 36	16 35	20 41	18 39	10 45	8 44
Selasa	19	3 23 Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-26	9 23	20 35	18 33	22 39	20 37	17 36	21 42	19 40	11 46	9 45
Rabu	20	4 24	10 24	21 36	19 34	23 40	21 38	18 37	22 43	20 41	12 47	10 46
Khamis	21	5 25	11 25	22 37	20 35	24 41	22 39	19 38	23 44	21 42	13 48	11 47
Jumaat	22	6 26 Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam	12 26	23 38	21 36	25 42	23 40	20 39	24 45	22 43	14 49	12 48
Sabtu	23	7 27 (Sebagai ganti hari Jumaat)	13 27	24 39	22 37	26 43	24 41	21 40	25 46	23 44	15 50	13 49
Ahad	24	8 28	14 28	25 40	23 38	27 44	25 42	22 41	26 47	24 45	16 51	14 50
Isnin	25	9	15 29	26 41	24 39	28 45	26 43	23 42	27 48	25 46	17 52	15 51
Selasa	26	10	16 30	27 42	25 40	29 46	27 44	24 43	28 49	26 47	18 53	16 52
Rabu	27	11	17 31	28 43	26 41	30 47	28 45	25 44	29 50	27 48	19 54	17 53
Khamis	28	12		29 44	27 42	31 48	29 46	26 45	30 51	28 49	20 55	18 54
Jumaat	29	13		30 45	28 43		30 47	27 46		29 50	21 56	19 55
Sabtu	30	14			29 44		31 48	28 47		30 51	22 57	
Ahad	31	15			30 45			29 46		31 52	23 58	



**JABATAN
KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

Bilangan Tawaran: JKP/SH/2009-2010/18
Tajuk Tawaran: "WELCOME RECEPTION FOR CHARTER FLIGHT-FEBRUARY 2010"

Yuran Dokumen : \$5.00 (tidak dikembalikan)
Tarikh Tutup Tawaran : **KHAMIS, 31 DISEMBER 2009, JAM 2.00 PETANG**

Bilangan Tawaran : JKP/SH/2009-2010/41
Tajuk Tawaran : "WELCOME RECEPTION FOR CRUISE SHIP 'AIDA CARA' AT MUARA PORT : COSTA CLASSIC' ON FRIDAY, 5 FEBRUARY 2010 AND 'COSTA ALLEGRA' ON THURSDAY 4 MARCH 2010; THURSDAY, 11 MARCH 2010 COSTA CLASSICA ON THURSDAY 25 MARCH 2010"

Yuran Dokumen : \$5.00 (tidak dikembalikan)
Tarikh Tutup Tawaran : **KHAMIS, 31 DISEMBER 2009, JAM 2.00 PETANG**

Bilangan Tawaran: JKP/SH/2009-2010/42
Tajuk Tawaran: "WELCOME RECEPTION FOR CRUISE SHIP AT MUARA PORT: 'COSTA ALLEGRA' ON THURSDAY 1 APRIL 2010; AND 'ROMANTICA' ON THURSDAY, 29 APRIL 2010; THURSDAY, 13 MAY 2010; THURSDAY, 27 MAY 2010; AND THURSDAY, 10 JUNE 2010"

Yuran Dokumen : \$5.00 (tidak dikembalikan)
Tarikh Tutup Tawaran : **KHAMIS, 31 DISEMBER 2009, JAM 2.00 PETANG**

Bilangan Tawaran : JKP/SH/2009-2010/43
Tajuk Tawaran : "CONSTRUCTION, MANTLING SERVICING AND DISMANTLING OF THE BRUNEI TOURISM BOOTH AT 18th ASIA PACIFIC INCENTIVE & MEETINGS EXPO(AIME 2010), 2-3 MARCH 2010. MELBOURNE EXHIBITION CENTRE, AUSTRALIA"

Yuran Dokumen : \$5.00 (tidak dikembalikan)
Tarikh Tutup Tawaran : **KHAMIS, 31 DISEMBER 2009, JAM 2.00 PETANG**

Bilangan Tawaran: JKP/SH/2009-2010/44
Tajuk Tawaran: "EXPORT SHIPMENT BY AIR CARGO (EX BRUNEI TO MELBOURNE, AUSTRALIA AND RETURN SHIPMENT TO BRUNEI-DOOR TO DOOR DELIVERY)-AIME 2010"

**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

BILANGAN TAWARAN : JPI/9/2009
TAJUK : INDUSTRI TERNAKAN UDANG FASA III - KERJA-KERJA PENIMBUKKAN TANAH (ZON C)

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan dan dialamatkan kepada:-

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Peti Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Perindustrian dan
Sumber-Sumber Utama,
Tingkat Bawah,
Jalan Menteri Besar, BB 3910,
Negara Brunei Darussalam.**

2. Tawaran hendaklah dihantar tidak lewat dari **jam 2.00 petang pada Hari Selasa, 26 Januari 2010**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong, ditulis atas sebelah kiri sampul surat:-

INDUSTRI TERNAKAN UDANG FASA III - KERJA-KERJA PENIMBUKKAN TANAH (ZON C)

Bilangan Tawaran : JPI/9/2009
Tarikh Tutup: 26 Januari 2010
Jam Tutup: 2:00 Petang

4. Untuk penerangan lanjut dan bagi mendapatkan dokumen tawaran, pemohon-pemohon boleh menghubungi Seksyen Program dan Projek Perindustrian, Tingkat 3, Ibu Pejabat Jabatan Perikanan, Jalan Menteri Besar, Bangunan Kementerian

Yuran Dokumen : \$5.00 (tidak dikembalikan)
Tarikh Tutup Tawaran : **KHAMIS, 31 DISEMBER 2009, JAM 2.00 PETANG**

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat berdaftar yang berpengalaman dari segi persembahan kebudayaan dalam dan luar negeri dan tawaran-tawaran hendaklah dialamatkan kepada:

**Pengerusi Jawatankuasa Sebutharga
Jabatan Kemajuan Pelancongan
Kementerian Perindustrian dan
Sumber-Sumber Utama
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam**

dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang bertempat di Tingkat Dua, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan seperti yang dinyatakan di dalam setiap tawaran tersebut.

2. Dokumen-dokumen tawaran dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Kemajuan Pelancongan, Tingkat 2, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam.

3. Pembayaran yuran tawaran hendaklah dibuat di Bahagian Pengurusan dan Kewangan, Tingkat 2, Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama pada waktu-waktu seperti berikut:

**Isnin - Khamis : 8.30 pagi - 11.30 pagi,
dan 2.00 ptg - 3.00 ptg
Sabtu : 8.30 pagi - 10.00 pagi**

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan Borang Tawaran asal yang telah disediakan.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam di talian 2383067 Sambungan 2331 atau melayari laman web Jabatan Perikanan; www.fisherles.gov.bn dan pembayaran dokumen tawaran di Tingkat I, Seksyen Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Perikanan, pada hari bekerja:-

**Isnin - Kamis dan Sabtu;
8:00 pagi - 11:30 pagi
1.30 petang - 3.00 petang**

5. Yuran sebanyak \$500.00 bagi satu tajuk tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.

6. Tawaran ini dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dalam kelas V dan VI di bawah kategori 1,3,5b,5c dan 6c sahaja.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran tidak munasabah.

8. Salinan dokumen-dokumen seperti Pendaftaran Perniagaan, Lesen Rampaian, Kad Pengenalan / Pasport dan Daftar Pemilik syarikat hendaklah disertakan semasa mengambil dan menghantar borang tawaran.

9. Dokumen-dokumen tawaran boleh didapati mulai 24 Disember 2009.

10. Sesi taklimat tawaran (briefing) dan lawatan tapak (site visit) bagi JPI/9/2009 akan diadakan seperti berikut.

Pada: 6 Januari 2010 (Hari Rabu)
Jam: 9.00 pagi
Tempat: Tapak Industri Ternakan Udang Fasa III, Sungai Penyatang, Telisai, Daerah Tutong.



KEMENTERIAN KESIHATAN

1. DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai Hari Sabtu 12 Disember 2009. Sila layari website Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :-

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Peti Tawaran, Tingkat Bawah,
Kementerian Kesihatan,
Commonwealth Drive
Bandar Seri Begawan BB 3910
Negara Brunei Darussalam**

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan dan hendaklah dihantar tidak lewat dari jam **2.00 Petang, Hari Selasa pada 12 Januari 2010**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Yuran Tawaran (Tender Fee) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki

TAWARAN BIASA

BIL TAWARAN	KETERANGAN	YURAN TAWARAN	TARIKH TUTUP
KK/59/2009 (PB)(RKN)	SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING ONE (1) LOT OF DENTAL LABORATORY EQUIPMENT FOR PENGKALAN BATU HEALTH CENTRE, MINISTRY OF HEALTH	\$50.00	12/1/2010 Tidak lewat jam 2.00 Petang
KK/60/2009 (PICHR)	SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING ONE (1) UNIT OF EXTRA CORPOREAL SHOCK WAVE LITHOTRIPTOR MACHINE FOR RIPPAS HOSPITAL, MINISTRY OF HEALTH	\$500.00	12/1/2010 Tidak lewat jam 2.00 Petang

TAWARAN KECIL

BIL TAWARAN	KETERANGAN	YURAN TAWARAN	TARIKH TUTUP
KK/TK/35/2009 (PB)(RKN)	SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING ONE (1) UNIT OF ULTRASOUND MACHINE FOR PENGKALAN BATU HEALTH CENTRE, MINISTRY OF HEALTH	\$10.00	12/1/2010 Tidak lewat jam 2.00 Petang
KK/TK/36/2009 (PB)(RKN)	SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING ONE (1) UNIT OF DENTAL CHAIR SYSTEM (DOCTORS) FOR PENGKALAN BATU HEALTH CENTRE, MINISTRY OF HEALTH	\$10.00	12/1/2010 Tidak lewat jam 2.00 Petang
KK/TK/37/2009 (PB)(RKN)	SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING ONE (1) UNIT OF DENTAL CHAIR SYSTEM (NURSES) FOR PENGKALAN BATU HEALTH CENTRE, MINISTRY OF HEALTH	\$10.00	12/1/2010 Tidak lewat jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN
HAL EHWAL UGAMA**

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DALAM KELAS II & III SAHAJA DAN KATEGORI KERJA 5 K

**BILANGAN TAWARAN :
KHEU/BDP/LTK/041/2009**

KERJA-KERJA PENDAWAIAN BARU, PENINGKATAN TARAF BARANG DAN PERKAKAS ELEKTRIK DALAM BANGUNAN LAMA KHEU DAN BANGUNAN MADARSAH, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA. (REPLACEMENT OF LIFT) (PHASA 1)

**YURAN DOKUMEN :
\$ 30.00 (Tidak dikembalikan)
TARIKH DAN JAM TUTUP MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN:
Jam 2.30 Petang, 4 Januari 2010.
TARIKH TUTUP :
Hari Selasa, Jam 2.00 Petang,
12 Januari 2010.**

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN-TAWARAN dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Satu, Bahagian Kewangan, Bangunan Kementerian Hal Ehwat Uagama, Jalan Menteri Besar, Berakas BB3910,

pembayaran dengan WANG TUNAI sahaja (dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Akauan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

**Waktu Menerima Bayaran:
ISNIN -KHAMIS :
8.00 PAGI - 11.00 PAGI
2.00 PETANG - 3.00 PETANG
SABTU : 8.00 PAGI - 10.00 PAGI**

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.
6. Tawaran adalah dibukakan kepada semua pemborong-pemborong dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :-

Sijil Pendaftaran Perniagaan Yang Masih Sahlaku dan Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan, atau Kementerian Pembangunan, manakala bagi Pemborong/Pembekal yang menyertai tawaran ubat-ubatan (Drug and Medicine) mestilah mempunyai Lesen Racun yang sah 'Poison Act' (Cap. 114)

7. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada tiap-tiap hari SELASA seperti tarikh yang telah ditetapkan.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat dipara satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Kontrak.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan lanjut bolehlah didapati dan diperolehi dari Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Hal Ehwat Uagama, Jalan Menteri Besar Berakas BB3910, Negara Brunei Darussalam.

5. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada berjaya atau yang tidak kecuai kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran itu seperti kadar yang ditetapkan.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



KEMENTERIAN KESIHATAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN

1. DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai Hari Rabu 9 Disember 2009. Sila layari website Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :-

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Peti Tawaran, Tingkat Bawah,
Kementerian Kesihatan,
Commonwealth Drive
Bandar Seri Begawan BB 3910
Negara Brunei Darussalam

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan dan hendaklah dihantar tidak lewat dari jam **2.00 Petang, Hari Selasa pada 12 Januari 2010**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Yuran Tawaran (Tender Fee) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan WANG TUNAI sahaja (dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Akauan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.
Waktu Menerima Bayaran
ISNIN - KHAMIS
8.00 PAGI - 11.00 PAGI
2.00 PETANG - 3.00 PETANG
SABTU
8.00 PAGI - 10.00 PAGI

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.
6. Tawaran adalah dibukakan kepada semua pemborong-pemborong dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :-
Sijil Pendaftaran Perniagaan Yang Masih Sahlaku dan Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan, atau Kementerian Pembangunan, manakala bagi Pemborong/Pembekal yang menyertai tawaran ubat-ubatan (Drug and Medicine) mestilah mempunyai Lesen Racun yang sah 'Poison Act' (Cap. 114)
7. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

TAWARAN BIASA

BIL TAWARAN : DRG/19/2000
KETERANGAN : SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THREE (3) YEARS (LIST 19/2009)
Kelayakan Pemborong / Pembekal :- Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan mempunyai Lesen Racun yang sah 'Poison Act' (Cap. 114)
YURAN TAWARAN : \$1,000.00
TARIKH TUTUP Tidak lewat jam 2.00 Petang : 12/1/2010

BIL TAWARAN : DRG/20/2009
KETERANGAN : SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THREE (3) YEARS (LIST 20/2009)
Kelayakan Pemborong / Pembekal :- Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan mempunyai Lesen Racun yang sah 'Poison Act' (Cap. 114)
YURAN TAWARAN : \$500.00
TARIKH TUTUP Tidak lewat jam 2.00 Petang : 12/1/2010

Waktu bagi menerima bayaran:

Isnin - Khamis :
8.00 pagi - 11.45 pagi
2.00 petang - 3.00 petang
Jumaat :
8.00 pagi - 10.30 pagi
2.00 petang - 3.00 petang

- a)Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan, Blok C, Tingkat Bawah Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkih Garrison BB 3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 petang hari Selasa, 19 Januari 2010**.
Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, Blok D, Tingkat 1 Kementerian Pertahanan, Bolkih Garrison BB 3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). **Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 15 Januari 2010, hari Jumaat jam 3.00 petang**.
- b) Bayaran tawaran "Tender Fee" hendaklah dibayar di Unit Kaunter Perkhidmatan Pelanggan Bahagian Kewangan, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok D, Tingkat Bawah, Pintu Utama 5, Kementerian Pertahanan, Bolkih Garrison BB 3510, Negara Brunei Darussalam.
- c)Pembekal adalah dikehendaki membayar yuran Dokumen dan Bayaran Tawaran bagi semua tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur ("bona-fide-tender"). Kadar yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.
- d)Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.
- e)Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur ("non-bona-fide-tender") dan tidak akan dilayan.
- f)Salinan sijil pendaftaran perniagaan hendaklah disertakan bersama yang menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.
- g)Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.
- h)Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini seperti mana yang diiklankan.

Begawan Waterfront Phase 1, Jalan Mc Arthur selepas kerja-kerja pembinaan yang dijangka siap pada suku ketiga tahun 2010.

Kepada sesiapa yang berminat adalah dijemput mendaftar ke Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan Tingkat 5, Jalan Kumbang Pasang atau melalui email info@bandaran-bsb.gov.bn. Tarikh tutup pendaftaran pada **31 Disember 2009**.

JABATAN
PENTADBIRAN DAN
PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN

SYARAT-SYARAT TAWARAN :

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-Syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
 2. Pemohon-pemohon yang berkhidmat dengan Kerajaan atau Syarikat-Syarikat Swasta yang ada hubungkaitnya dengan Kerajaan seperti Brunei Shell Petroleum (BSP), Cold Gas (LNG), Royal Brunei Airline (RBA) dan seumpamanya tidak akan diterima.
 3. Penender adalah dikehendaki membayar semua Yuran/Dokumen Tawaran seperti yang diiklankan. Yuran/Dokumen Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan di kembalikan kepada setiap penender/pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bone-fide tender). Kadar bayaran Yuran/Dokumen/Tawaran untuk setiap dokumen adalah seperti berikut :
4. -\$30.00 bagi MOE/LTK/120/2009/2010 (JPPE-DIS-2009)
-\$50.00 bagi MOE/LTK/121/2009/2010 (DTE(MTSSR)-DIS-2009) DAN MOE/LTK/122/2009/2010 (DTE(PLM)-DIS-2009)
- Setiap tawaran hendaklah dibayar dengan wang tunai, di Kaunter 1, Unit Tunai dan Hasil Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'B', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Blok 'B', Tingkat Satu (1), Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam. Sila pastikan resit bayaran di terima bagi setiap bayaran yang dibuat.
- ISNIN - KHAMIS : 8.00 PAGI - 11.45 PAGI
2.00 PETANG - 3.00 PETANG
SABTU : 8.00 PAGI - 10.00 PAGI
5. Pemohon-pemohon mestilah membawa bersama Sijil Pendaftaran Perniagaan semasa melakukan pembayaran.

6. Borang-borang Tawaran boleh diperolehi di Kaunter 6, Unit Tawaran dan Sebutharga, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Blok 'A', Tingkat Satu (1), Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam setelah membuat pembayaran dengan menyertakan resit bayaran yang sudah dibuat.
7. Setiap borang tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan Salinan Resit Bayaran Yuran/Dokumen Tawaran dan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa.
8. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat tersebut hendaklah ditulis Bilangan Tawaran dan Tajuk sepertimana yang diiklankan serta tanpa menunjukkan identiti Pembekal/Pemborong dan ditujukan kepada :-
Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Pendidikan,
Bangunan Kementerian Pendidikan
Blok 'A' Tingkat 1,
Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A',
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan. BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tidak lewat pada Hari Selasa 5 JANUARI 2009M Jam 02.00 Petang

9. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan dikira sebagai tawaran tidak sah diterima.
10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran tidak munasabah.
11. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan yang di berikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

TO SUPPLY, DELIVER AND FIX INTO PLACE, TEST AND COMMISSION

BILANGAN TAWARAN	KETERANGAN	BAYARAN YURAN / DOKUMEN TAWARAN	TARIKH TUTUP DAN WAKTU
2. Dokumen- dokumen tawaran boleh diperolehi dari Unit Kaunter perkhidmatan Pelanggan (Blok D), Jabatanarah Kewangan dan Perolehan Kementerian Pertahanan semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat). Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 8 Januari 2010, hari Jumaat, jam 10.00 pagi.
3. Bayaran tawaran, "Tender fee" dan "Dokumen fee" hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok D, Bangunan Baru, Bolkliah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Waktu bagi menerima bayaran:-

Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 3.00 petang
Jumaat : 8.00 pagi - 10.30 pagi


**KEMENTERIAN HAL
EHWAL DALAM NEGERI**

MENGANJURKAN PERADUAN MENULIS RENCANA SEMPENA ANUGERAH KAMPUNG CEMERLANG.

Tajuk Rencana:

"MEMANTAPKAN DAN MEMERTABATKAN MAJLIS PERUNDINGAN MUKIM DAN KAMPUNG KE ARAH KECEMERLANGAN MUKIM DAN KAMPUNG".

Syarat Penyertaan:

- a) Peraduan menulis rencana terbuka kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.
- b) Rencana mestilah mengandungi di antara 1,800 hingga 2,000 patah perkataan;
- c) Rencana hendaklah dihadapkan dalam bentuk A4 saiz dengan font Arial berukuran 14. Pemenang Pertama, Kedua dan ketiga pemenang suguhati akan dikehendaki untuk menghadapkan salinan rencana dalam bentuk

No. Projek: 2009 ADKB/KEW 114

Yuran Tawaran : \$500.00 (Tidak dikembalikan)

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali lain daripada alamat yang dinyatakan dalam iklan atau Dokumen Tawaran).
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran boleh dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DDGKB..") boleh dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.
5. Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana jua kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.
6. Sebelum Dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran Kontraktor dan Pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar Yuran Tawaran.

2.00 petang - 3.00 petang

4. Pembekal adalah dikehendaki membayar semua Yuran Dokumen dan Bayaran Tawaran seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide-tender). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.
5. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.
6. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (non-bona-fide-tender). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.
7. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir Syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.
8. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.
9. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran itu seperti mana yang diiklankan.

'soft copy';

- d) Sebarang rencana tidak dibenarkan untuk mengkritik mana-mana institusi-institusi yang terdapat di negara ini atau orang-orang perseorangan;
- e) Keputusan hakim adalah MUKTAMAD. Sebarang surat menyurat tidak akan dilayan

Hadiah Peraduan Menulis Rencana

- a. Hadiah pertama wang tunai \$500.00
- b. Hadiah Kedua wang tunai \$300.00
- c. Hadiah Ketiga wang tunai \$200.00
- d. Sebanyak tiga (3) hadiah suguhati wang tunai \$100.00

Tarikh tutup bagi menghantar renacan ialah pada **hari Isnin, 10 Januari 2010 jam 4.00 petang** dan renacana hendaklah dihantar terus ke alamat berikut:-

Urusetia
Peraduan Menulis
Rencana Anugerah Kampung Cemerlang
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Jalan James Pearce BS8610
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam.

BORANG PENYERTAAN SOALAN KUIZ BERKUMPUL ANUGERAH KAMPUNG CEMERLANG 2009 KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bil	Tarikh Tayangan Dokumentari dari Kampung	Jawapan	
1.	22 Disember 2009 (Selasa) Majlis Perundingan Kampung Kawasan 2, RPN Kampung Rimba, Mukim Gadong 'A' Daerah Brunei dan Muara		
2.	25 Disember 2009 (Jumaat) Majlis Perundingan Kampung Lumut I, Mukim Liang, Daerah Belait		
3.	29 Disember 2009 (Selasa) Majlis Perundingan Kampung Tanjung Maya, Mukim Tanjung Maya, Daerah Tutong		
4.	1 Januari 2010 (Jumaat) Majlis Perundingan Kampung Belingos, Mukim Bangar, Daerah Temburong		
5.	5 Januari 2010 (Selasa) Majlis Perundingan Kampung Belimbing, Mukim Kota Batu, Daerah Brunei dan Muara		
6.	8 Januari 2010 (Jumaat) Majlis Perundingan Kampung Mumong, Mukim Kuala Belait, Daerah Belait		
7.	12 Januari 2010 (Selasa) Majlis Perundingan Kampung Merimbun, Mukim Rambai, Daerah Tutong		
8.	15 Januari 2010 (Jumaat) Majlis Perundingan Kampung Batu Apoi, Mukim Batu Apoi, Daerah Temburong		
9.	19 Januari 2010 (Selasa) Majlis Perundingan Kampung Sungai Matan, Mukim Kota Batu, Daerah Brunei Dan Muara		
10.	22 Januari 2010 (Jumaat) Majlis Perundingan Kampung Bukit Udal, Mukim Tanjung Maya, Daerah Tutong		
11.	26 Januari 2010 (Selasa) Majlis Perundingan Kampung Senukoh, Mukim Labu, Daerah Temburong		
12.	29 Januari 2010 (Jumaat) Majlis Perundingan Kampung Puduk, Mukim Kota Batu, Daerah Brunei dan Muara		
13.	2 Februari 2010 (Selasa) Majlis Perundingan Kampung Belais dan Buda-Buda, Mukim Bukok, Daerah Temburong		
14.	5 Februari 2010 (Jumaat) Majlis Perundingan Kampung Jerudong, Mukim Sengkurong, Daerah Brunei dan Muara		
15.	9 Februari 2010 (Selasa) Majlis Perundingan Kampung Sibut, Mukim Amo, Daerah Temburong		

Nama:			
No. Kad Pengenalan: (Sertakan salinan)		Warna:	
Tarikh Lahir:		Jantina:	
Alamat Persuratan:			
No. Tel. Bimbit:		E-Mel:	
No. Tel. Pejabat:			
No. Tel. Rumah:			
Tarikh:		Tandatangan:	

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

1. Penyertaan adalah dibukakan kepada orang ramai;
2. **Jawapan yang lengkap diisi hendaklah dihantar dan dimasukkan ke dalam kotak/peti jawapan Kuiz Berkumpul yang disediakan semasa berlangsungnya Pameran Anugerah Kampung Cemerlang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas tidak lewat 14 Februari 2010 jam 12.00 tengah hari;**
3. Pemenang akan diundi melalui cabutan yang akan dimaklumkan kemudian dan **keputusan undian adalah MUKTAMAD dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan;**
4. Soalan-soalan kuiz berkumpul merupakan

- soalan-soalan yang diambil dari dokumentari-dokumentari TV yang ditayangkan mengikut tarikh-tarikh seperti yang dinyatakan di setiap episod di penghujung dokumentari yang akan ditayangkan RTB1 jam 9.30 malam;
5. Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Anugerah Kampung Cemerlang adalah tidak dibenarkan sama sekali untuk menyertai kuiz berkumpul ini.
 6. Sebanyak enam (6) hadiah menarik untuk direbut, **Hadiah Pertama; Hadiah Kedua; Hadiah Ketiga dan tiga (3) hadiah saguhati** untuk diberikan kepada mereka yang terpilih dalam undian dan berjaya menjawab kuiz berkumpul.

5. ANALISIS

PANDANGAN mata kasar dan pemerhatian perniagaan runcit sekurang-kurangnya agak ketara dijalankan oleh masyarakat bukan Melayu. Di sepanjang jalan dan di segenap penjuru kota dan desa ditumbuhi oleh kedai-kedai runcit dan warung dijalankan oleh pendatang asing. Perkembangan seperti ini, meskipun tidak menampakkan masalah tapi cukup menimbulkan kekhawatiran dalam jangka masa tertentu bahawa manfaat pembangunan yang diharapkan dinikmati oleh rakyat tempatan tidak akan tercapai. Malah boleh mengundang implikasi sosial. Selain itu kewujudan suasana perniagaan cara ini boleh saja dikenali sebagai 'rent seeking activities' di kalangan pemegang lesen dan dari segi 'job creation' kepada anak tempatan juga agak terhad. Dua kesan negatif yang boleh terbit dan mungkin tidak menguntungkan dalam jangka panjang ialah kegersangan 'transfer of skill and knowledge' pengurusan kepada owner(s) (mungkin langsung tidak ada), dan peluang memberikan kerja kepada anak tempatan sangat tipis dan terhad kerana adanya sekatan atau restriction dalam bentuk 'price of labour supply' bagi orang asing yang mengisi kerja-kerja di sektor runcit ini. Bayaran gaji yang sangat murah, mungkin terlalu murah bagi aras pasaran yang sepatutnya pada ukuran harga tawaran buruh anak tempatan. Ini adalah sejenis kategori monopoli atau 'restrictive practices' dalam sektor buruh. 'Restrictive practices' ini perlu dinilai oleh pihak berkuasa bagi menimbulkan suasana ekonomi menyumbang dalam pembangunan masyarakat daripada ekonomi mementingkan keuntungan golongan kecil. Dalam konteks agihan pendapatan akan hanya diperolehi oleh golongan kecil ekonomi iaitu 'rent seker(s)' (tuan punya lesen rancangan) dan peniaga dan

Oleh :
Dato Paduka
Dr. Haji Ismail
bin Duraman,
Pegawai
Pusat
Pengajian
Strategik dan
Polisi (CSPS).



SIRI AKHIR

pekerja yang hidupnya tidak berteraskan tahap kehidupan yang selesa. Makan yang secukupnya, tidur dalam rumah yang serba tidak selesa dan bekerja melebihi masa yang sewajarnya, yang mungkin saja tidak sejajar dengan undang-undang dan peraturan buruh. Bagi anak tempatan pula tidak seharusnya menjadikan semua ini sebagai alasan bahawa mereka tidak mahu menyumbang dan mengisi ruang yang seharusnya mereka isi dalam perburuhan di negara ini. Begitu juga dalam pengurusan perusahaan.

5.1 Memupuk Peranan Perlu Memerlukan atau Lengkap-Melengkapi

Kita menyedari kepentingan ekonomi tapi dalam kenyataan sering berlaku

Membangun bangsa dan ekonomi negara

BRUNEI harus mengambil langkah yang lebih agresif untuk memanfaatkan kekuatannya. Sebagai contoh pengeluar barang halal dan perkhidmatan berunsurkan produk Islami. Penyelidikan dalam sains dan teknologi sudah boleh dipertingkatkan dengan adanya pakar-pakar dan kemudahan. Ini akan lebih baik lagi seandainya peruntukan yang besar diberikan dan pembinaan keupayaan dengan disertai infrastruktur yang baik dan mencukupi bagi tujuan ini.

luar/firma/usahawan dengan pengguna/suri rumah adalah saling perlu-memerlukan antara satu dengan lain. Pengguna memerlukan barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh pengeluar, dalam masa yang sama menjual sumber atau faktor pengeluaran dalam bentuk buruh, tanah dan keusahawanan. Faktor pengeluaran ini pula akan dibayar oleh firma dalam bentuk upah, sewa dan keuntungan yang akan digunakan untuk membeli barang yang diperlukan dalam kehidupan. Proses ini akan berterusan dan berkembang bergantung kepada saiz pengganda (multiplier effect).

Dalam ungkapan yang mudah, pengguna sewajarnya menyumbang dan menyokong sektor pengeluar melalui tambahan dalam permintaan terhadap barang keluaran. Ekoran peningkatan permintaan akan seterusnya dapat menjamin pelunggan dalam bentuk keuntungan kepada pengeluar untuk mengembangkan perniagaan dengan menambahkan permintaan terhadap sumber seperti buruh dan faktor pengeluaran yang lain. Perbelanjaan pengguna seterusnya dijangkakan boleh membebankan wujudnya industri baru selain yang sedia ada. Sebagai contoh industri kereta boleh membawa kehadiran industri kewangan, insurans, bengkel, dan lain-lain barangan berkaitan dengan keperluan pembelian dan penjualan serta pembuatan kereta. Pekerjaan juga dapat diwujudkan tapi memerlukan kemahiran menurut keperluan industri terlibat.

5.2 Peranan Kerajaan

Pusingan pendapatan dalam diagram yang disenituh sebelum ini akan lebih teratur dan lancar lagi dengan adanya institusi yang membantu proses pusingan. Institusi yang dimaksudkan ialah kerajaan sebagai pemudah cara dan mengawal keadaan menggunakan peraturan yang diterima oleh kedua sektor. Kesepaduan pelaku ini boleh dikategorikan sebagai satu proses pembinaan sistem ekonomi yang sihat

bagi satu negara. Selain dari berfungsi sebagai pengawal dan pemudah cara, institusi kerajaan juga merupakan pengguna dan pengeluar barang awam. Dalam hal ini, perkaitan antara pelaku-pelaku dalam ekonomi akan lebih kompleks. Perkara ini tidak akan dibahas.

5.3 Membentuk Sikap Mandiri Agar Kurang Ketergantungan

Proses kehidupan mandiri bangsa merdeka tidak hanya memastikan pendudukan, khasnya mereka yang di akar umbi terlepas dari perangkap kemiskinan juga seharusnya berhasrat mengurangkan ketergantungan Negara terhadap barang import. Ini bererti NBD hendaklah memikirkan bahawa sudah tiba masanya bagi sebahagian dari barangan yang diimport dapat diusahakan dan dikeluarkan oleh industri di negara ini. Sungguhpun pada dasarnya ekonomi perdagangan bebas membolehkan negara boleh berjimat melalui urus-niaga antara negara yang cekap apabila kos import 'relative' murah berbanding kos mengeluarkan barang yang sama dalam negara. Oleh itu mengimport menjadi pilihan sehingga negara tidak berhasrat mengeluarkan barang melalui strategi industri pengganti (import substitution strategy). Strategi industry pengganti boleh dilakukan secara berperingkat dan menurut pendekatan yang bersesuaian dalam jangka masa tertentu. Kos yang pada mulanya tinggi mungkin dapat dikurangkan apabila skala ekonomi diperolehi, di samping isu keselamatan dan memberikan pekerjaan kepada anak tempatan. Keselamatan amat mustahak terutamanya jika bercakap mengenai barang-barang keperluan dan dapat diusahakan sendiri oleh anak tempatan, misalnya barang pertanian, perikanan dan makanan berproses. Tren dan nilai import yang ditunjukkan dalam jadual import mengikut bahagian barangan bagi tahun 1991, 1996 dan 2001 tidak banyak menggambarkan penurunan ketara dari segi peratus, malah ada yang

meningkat dalam tahun 2001. Ini dapat disimpulkan bahawa import kita masih berada di tahap yang tinggi bagi memenuhi keperluan masyarakat Brunei.

Strategi ini amat dialu alukan, terutamanya apabila kita bercakap mengenai keselamatan makanan (Food Security). Apabila bercakap mengenai keselamatan makanan, ia tidak semudah dalam sebutan. Banyak persiapan dan keperluan yang mesti dipenuhi. Ini tidak bermakna ia tidak dapat dilaksanakan.

NBD, sebagai sebuah negara kecil seharusnya melihat kekuatannya dalam mewujudkan industri berorientasikan eksport. Perkara ini sebenarnya sering diperkatakan tapi sehingga kini pelaksanaannya ke arah negara pengeluar untuk pasaran luar masih belum dapat dilihat dalam ukuran yang membanggakan, selain minyak mentah dan gas cecair asli. Eksport garment juga mula mengalami kemerosotan akibat berakhirnya keistemewaan eksport ke USA dan EU.

NBD harus mengambil langkah yang lebih agresif untuk memanfaatkan kekuatannya. Sebagai contoh pengeluar barang halal dan perkhidmatan berunsurkan produk islami. Penyelidikan dalam sains dan teknologi sudah boleh dipertingkatkan dengan adanya pakar-pakar dan kemudahan. Ini akan lebih baik lagi seandainya peruntukan yang besar diberikan dan pembinaan keupayaan dengan disertai infrastruktur yang baik dan mencukupi bagi tujuan ini. Tenaga muda sudah dapat dilatih dan diberikan kepercayaan dan imbalan yang berpatutan sebagai imbalan dan daya tarikan hendaklah ditawarkan agar bidang mencabar dan berasaskan kepakaran ini berbaloi bagi mereka. Perkara ini sebenarnya satu hal yang lumrah dan dibuat oleh kebanyakan negara yang terkehadapan. Teras yang dilihat adalah komitmen dan kepercayaan diberikan kepada mereka yang bersedia untuk melaksanakan. Melabur sedikit demi masa depan. Bak kata peribahasa Inggeris 'No pain no gain!' Oleh itu di mana ada ruang bagi pembaikan dan penyempurnaan projek yang boleh membawa kemanfaatan hendaklah disokong dan didokong, bukan hanya dengan suara dan nada tapi dengan material dan kewangan. Ini erti komitmen

yang sebenar. Jika ini wujud dan membudaya, insya-Allah, Brunei bergerak lebih cepat dan cergas.

6. KESIMPULAN DAN CADANGAN

Memahami bahawa sektor ekonomi itu memerlukan peranan pelakunya menurut fungsi dan kedudukannya, maka terdapat tiga isu yang ditimbulkan dan perlu ditangani oleh negara yang mencapai kemerdekaan. Membentuk golongan muda yang bersemangat usahawan dan berani mengambil risiko perniagaan, mengambil alih dan mengimbangi sektor produktif oleh anak tempatan sendiri, terutamanya sektor swasta yang masih di peringkat awal pembangunan dan buruh masih banyak diisikan oleh pekerja luar dan ketiganya, bagaimana mengurangkan ketergantungan negara kepada barang import yang boleh dikeluarkan oleh negara ini dan mula menjadi 'player', bukan saja dalam barang yang Brunei mempunyai kemampuan dan kekuatan, tapi juga di mana kita ada potensi hendaklah diwujudkan melalui komitmen dan dokongan penuh semua yang terlibat.

Perkara utama dapat difikirkan ialah isu berkaitan dengan sumber tenaga manusia yang dapat dilahirkan dan dilatih agar memiliki kemahiran melalui skim yang terancang dan terarah. Banyak cara dan kegiatan yang dapat diungkapkan bagi tujuan ini. Dalam masa yang ditetapkan Brunei sepatutnya sudah boleh mengisi kerja yang selama ini diisikan oleh pekerja luar. Institusi Pendidikan dan pusat latihan boleh membentuk kurikulum diperlukan bagi menyuntik semangat keusahawanan di kalangan kanak-kanak lagi.

Peranan kerajaan pula perlu digiatkan dalam memberikan kemudahan yang menjamin bagi menggalakkan pertumbuhan usahawan yang berbakat dan berpotensi melalui bantuan kewangan, peraturan yang mendorong dan tidak menyusahkan atau mengelirukan.

Penggalangan dasar yang jelas dan membantu dalam perburuhan, perdagangan, dan kewangan serta adanya insentif yang wajar bagi membangkitkan semangat rakyat Melayu berkecimpung dalam industri berisiko tinggi sebagai perubahan dan cabaran ke arah pelaburan yang menjanjikan pulangan yang tinggi.

JADUAL 7
IMPORT MENGIKUT BAHAGIAN BARANGAN

Bahagian Barangan	1991 (B\$ Ribu)	%	1996 (B\$ Ribu)	%	2001 (B\$ Ribu)	%
Jumlah Import	1,922.4	100	3,516.5	100	2,045.8	100
Makanan dan Binatang	247.3	12.9	353.6	10.1	310.6	15.2
Minuman dan Tembakau	46.0	2.4	83.4	2.4	43.8	2.1
Bahan-bahan mentah yang tidak boleh dimakan kecuali bahan api	23.6	1.2	130.2	3.7	19.7	1.0
Bahan api galian, pelincir dan baranggalian yang berkaitan	11.7	0.6	9.8	0.3	4.4	0.2
Minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran	6.5	0.3	14.6	0.4	9.8	0.5
Bahan-bahan kimia	120.7	6.3	188.0	5.3	157.8	7.7
Barang-barang keluaran kilang mengikut bahan pembuatannya	526.9	27.4	865.4	24.6	636.8	31.1
Jentera dan kelengkapan Pengangkutan	736.1	38.3	1,503.9	42.8	630.2	30.8
Pelbagai barang keluaran kilang	194.4	10.1	350.3	10.0	229.0	11.2
Lain-lain	9.2	0.5	17.2	0.5	3.7	0.2

Sumber : Brunei Darussalam Statistical Yearbook, 2003.

JADUAL 8
IMPORT BARANG-BARANG MAKANAN YANG TERPILIH

Barang Makanan Terpilih :	1991 (B\$ Ribu)	1996 (B\$ Ribu)	2001 (B\$ Ribu)
Susu dan krim pekat cair	19,092	15,704	19,589
Beras	14,586	26,121	16,824
Tepung	2,753	3,541	6,475
Gula dan madu	6,152	4,114	5,225

Sumber : Brunei Darussalam Statistical Yearbook, 2003.

DALAM masa yang ditetapkan Brunei sepatutnya sudah boleh mengisi kerja yang selama ini diisikan oleh pekerja luar. Institusi pendidikan dan pusat latihan boleh membentuk kurikulum diperlukan bagi menyuntik semangat keusahawanan di kalangan kanak-kanak lagi.

“LAI dangankan mama ke pasar, membeli barang dapur untuk makan tengah hari karang,” mama berkata sambil menoleh kepada ayah.

Ketika itu, aku asyik membaca buku novel sambil mendengar radio. Walaupun kebanyakan orang jika membaca buku sambil mendengar radio tidak dapat memberi tumpuan. Dalam perjalanan menuju ke Pasar Gadong, mama hanya mendiamkan diri. Biasanya mama yang paling banyak cakap dalam keluarga besar kami. Keluargaku adalah keluarga yang paling besar di antara peradian kedua-dua orang tuaku. Hatiku semakin risau melihat reaksi mama.

Entahlah, kenapalah kebelakangan ini mama sering marah-marah kepada kami. Walaupun ia bukan salah kami, ada saja mama marahkan.

“Ma, kenapa kita diam-diam ani macam adakan kita pikirkan, napa ma?”

“Nda apa-apa lai, mama ingau saja ulah bapamu atu makin lain marah-marah tah ganya.”

Sekarang, ku mengerti rupanya ia berkaitan dengan hal kedua-dua orang tuaku. Tidak sampai 15 minit kami pun sampai ke tempat yang dituju. Kami asyik memilih lauk sehingga kami tersentak dengan sapaan anak Hajah Tiara iaitu Salleh.

“Eh wang ko rupanya sama sapa ko? Ko ganya kah?” mama bertanya.

“Awu maci aku ganya,” jawab Salleh.

“Mana mamamu wang?” mama bertanya.

“Di rumah ia,” kata Salleh.

Selepas kami puas bercerita mama pun meminta diri balik ke rumah. Sejak aku lahir lagi, keluarga aku dengan Salleh sangat rapat. Ayah Salleh baru lima bulan meninggal dunia kerana sakit jantung. Sejak itulah, perhabaran tentang keluarga mereka tidak lagi kami ketahui.

Aku dengan Salleh merupakan bekas satu universiti. Tak sangka pula ia adalah anak mulah kawan bapaku.

Sejak pertemuan itu, hubungan aku dengan Salleh semakin rapat. Pagi, petang dan malam kami berdua selalu bergayut dalam telefon. Tidak kusangka pula, perhubungan kami di-restui oleh mama, kerana biasanya kalau keluarga yang kita kenal sudah, indung kita tidak mengizinkan disebabkan mereka tahu hak ehwal keluarga mereka. Tapi tidaklah semua keluarga kita begitu, hanya keluarga yang pentingkan kepada adat sahaja. Entahlah aku pun tidak faham dengan peraturan seperti itu.

Aku tidak berani memberitahu ayah tentang hubungan aku dengan Salleh. Entahlah kenapa jika berdepan dengan ayah mesti lidahku kaku untuk berkata tentang Salleh. Aku tidak peduli tentang itu, asalkan aku bahagia bersama Salleh.

Keluargaku semakin hari semakin tidak riang jika dibanding dengan sebelum ini. Biasanya, kakakku akan membawa anaknya tidur di rumah kami. Tetapi sejak ayahku menengking anak kakakku, sejak itulah anak-anak buahku jarang lagi ke rumah.

“Eh Maimun cuba ko larang anak mu ani pandai tah kan mengacau barangku,” kata-kata itulah yang kudengar apabila ayah memarahi anak buahku.

Aku hairan kenapa sikap ayah baru-baru ini tidak seperti dahulu. Biasanya ayahlah yang selalu rindukan cucu-cucunya. Jika kakakku tidak datang, ayah sanggup menelefon kakak supaya cucunya tidur pada malam mula cuti sekolah.

Di antara adik-beradik aku yang paling rapat dengan mama. Mungkin di antara semua aku yang masih belum kahwin dan tambahan itu pula aku adalah anak bongsu. Pada malam itu, ketika aku hendak masuk tidur, tiba-tiba ada bu-

ny di dalam bilik kedua-dua orang tuaku. Jarak jauh bilik kami tidaklah jauh sangat. Bilikku di depan bilik mereka. Jam sudah menunjukkan pukul 11.30 malam. Aku hanya berdiam diri mendengar bunyi pecah di dalam bilik mereka.

Perkelahian bapa dan mama menjadi persoalan. Sebelum ini hubungan mereka biasa sahaja tidak ada tanda-tanda yang mereka ada masalah. Semenjak aku membawa mama ke pasar, barulah aku ketahui mereka ada masalah.

Aku tidak berani ikut campur dalam hal mereka. Aku semakin takut. Aku tidak mahu bapa dan mama mempunyai masalah dalam rumah tangga mereka. Kebelakangan ini mama tidak selera makan dan ayah pula entah ke mana. Ayah selalu balik lewat tanpa memikirkan mama sedang menunggu. Perangai ayah semakin berubah, ayah tidak lagi seperti dahulu. Sekarang ayah marah-marah, pulang lewat, makan tidak lagi bersama kami dan perubahan ayah lebih jelas apabila ayah selalu menerima panggilan dari seorang wanita.

Takkan panggilan dari wanita itu mereka menjadi begini. Mungkin ada sesuatu yang mama rahsiakan daripada kami. Aku malu melihat kedua orang tuaku begini. Sepatutnya merekalah yang menjadi teladan kepada kami.

Pada keesokan harinya, aku memberanikan diri bertanyakan kepada mama tentang hal semalam. Ketika aku bertanya air mata mama jatuh berlinang, hatinya Tuhan saja tahu betapa sedihnya hatiku melihat emak begitu. Sebelum ini belum pernah ku melihat mama sedih macam itu. Badan mama pun semakin susut.

Pada mulanya, mama takut menceritakan tentang masalah di antara mereka. Kasihan mama. Biasanya golongan tua-tua begini tidak memikir hal yang menyedihkan, tetapi entah pe-



KAHWIN

OLEH : SURIA MOHAMAD ALI

rangai mereka macam kanak-kanak. Umur ayahku 55 tahun dan mama 49 tahun. Tetapi kenapa tua-tua begini baru mereka ada masalah besar.

Mama menceritakan segala-galanya tentang ayah. Rupanya ayah ada wanita lain. Ya Allah hanya Tuhan tahu betapa terkejutnya aku. Kenapa ayah buat begini terhadap kami? Kenapa biasa sahaja tidak ada tanda-tanda yang mereka ada masalah. Sampai hati ayah buat begini kepada mama.

Ketika aku ingin menyoarakan sesuatu tentang masa depanku. Tiba-tiba pula keluargaku ada masalah. Pada minggu lalu, Salleh melamar aku supaya aku menjadi isteri yang sah kepadanya. Aku benar-benar rasa gembira.

Dua minggu telah berlalu, perkelahian ayah dan mama tidakku ceritakan kepada adik-beradikku. Baru-baru ini tidak ada lagi ku dengar desas-desus tentang ayah daripada mama. Mungkin mama sudah berpaling dengan ayah. Biasalah rumahtangga mana yang tidak bergoyang. Mungkin itu hanya salah faham di antara kedua orang tuaku. Siapa yang tidak cemburu suami ada perempuan lain.

Hatiku semakin lega melihat hubungan ayah dan mama. Salleh pula menunggu jawapan daripada aku tentang lamarannya terhadapku. Lamarannya setentunya aku terima, tetapi masalahnya aku tidak mempunyai persediaan tentang bila tarikh perkahwinan kami ditetapkan. Salleh hanya mengikut cadanganku tentang tarikh perkahwinan kami. Kata orang perkara baik tidak boleh dilambat-lambatkan. Semakin dilambatkan makin banyak dugaan samalah seperti lama-lama bertunang. Jadi kami mengambil keputusan berkahwin hujung bulan ini dan bertunang seminggu sebelum itu.

Pada malam itu, ayah menyuruh aku memanggil adik-beradikku supaya ber-

kumpul. Aku merasakan ada sesuatu yang ingin ayah katakan. Dalam hatiku kuat mengatakan mungkin ayah ingin meminta maaf kepada kami satu keluarga. Tapi takkan ayah ingin memberitahu tentang pertelingkahan ayah dengan mama kepada semua adik-beradik sebab ayah faham sangat dengan perangai abang sulungku itu. Abang pantang mendengar jika ada sesuatu yang dia tidak tahu.

Ayah menyuruh mama supaya masak sedap pada malam itu. Aku seperti biasa menolong mama memasak. Aku lihat mama sangat gembira pada malam itu.

“Assalamu’alaikum,” suara kakak kedengaran sampai ke dapur.

“Walaikumussalam, ko Maimun bah masuk tah, mana lakimu?” suara ayah mula kedengaran.

“Tu di dalam kerita masih ah mengangkat naindah ah.”

Aku dan mama hanya saling berpandangan mendengar telatah suara mereka di luar. Adik-beradikku hampir semua sudah sampai di rumah. Biasanya kami sekeluarga hanya berkumpul pada hari tertentu seperti di Hari Raya, hari kelepasan awam atau cuti sekolah.

Kami sekeluarga makan dengan perasaan yang gembira. Selepas selesai makan, aku seperti biasa membersihkan pinggan mangkuk yang kami gunakan semasa makan tadi itu. Semasa membasuh itu, aku dan kakakku bergurau senda tentang hal zaman kanak-kanak kami. Gembira rasanya seperti sebelum kakak mendirikan rumahtangga.

Ketika itulah kakak bertanya tentang diriku. Kakak bertanya adakah aku sudah mempunya atau belum. Aku hanya senyum-senyum seperti selepas dilamar pihak lelaki pula.

“Napa ni macam lain saja ada udah kali ni, kalau

balum kusuruh bang aji mu mencarikan.”

“Awu ka kita kenal kali tu eh lelaki dengan ku masa ani.”

“Lai ada udah rupanya bah bila tah makan nasi minyak ani iski kakak kan meliat ko kawin lai, bah sapa dengan mu ah?”

“Anak mulah kawan bapa ah anak auntie Hajah Tiara ah.”

“Ah atu dangan mu berapa lama ko dah dengan-nya durang mama tau lai?”

Aku pun menceritakan sejak pertemuan kami kali pertama sehinggalah Salleh meminangku. Kakak pun asyik mendengar ceritaku sehingga kami selesai membasuh pinggan mangkuk. Selepas itu, kami pun masuk ke ruang tamu. Kami sekeluarga berkumpul di ruang tamu itu seperti merayakan Hari Raya pula, geli hati pula aku melihatnya.

Tiba-tiba ayah bersuara dengan nada rendah, “Bah lai tutup tia televisyen ah bapa kan bercakap sesuatu ni,” arahan ayah kepadaku.

Kami semua berpandangan antara satu sama lain. Aku pun segera menutup televisyen yang ada di depanku.

“Bapa kan memberitahu kamu ni jangan kamu tekejut ah bapa tau tindakan bapa ani di luar daripada moral fikiran kamu, bapa banar-banar minta maaf.”

“Bapa kan kawin lagi.”

Ya Allah kami semua terkejut mati mendengar cakap ayah itu. Tidak kusangka ayah yang kusanjung, ayah yang kuhormati, ayah yang mengajar aku erti satu kehidupan dan mengajara aku tentang ilmu agama, begini balasan ayah terhadap kami satu keluarga, terutama mama yang paling menderita dalam hal ini.

Rupanya ayah telah terlanjur dengan perempuan itu sehingga mengandung anak luar nikah. Ya Allah

tidakkan ayah boleh membuat perkara sekeji itu. Tidak kusangka. Hanya Tuhan saja tahu. Kalau diikutkan hati hendak kutampar muka ayah itu dan kusumpah supaya ia mati. Mungkin ini sudah keterlaluan. Apa yang lebih keterlaluan bersikap biadab terhadap ayah atau melakukan maksiat sehingga membuatkan perempuan sial itu mengandung.

Semua keluargaku menyalahkan ayah seratus-peratus. Tanpa membuat apa-apa semua adik-beradikku meninggalkan rumah dan terus balik ke rumah mereka masing-masing. Aku tidak sangka ayah begitu bodoh, sial dan entahlah bermacam-macam sumpahan yang ku lemparkan kepada ayah.

Mama terus masuk ke bilik dengan tangisan yang kuat. Aku mengikuti mama masuk ke dalam bilik.

“Sabar ma memang bapa atu nda ingatkan dunia lagi tu tua-tuanya bernafsu lagi,” aku terlepas cakap mengatakan tentang ayah. Mama hanya berdiam diri mendengar cakap ku itu.

Pada saat ketika aku menenangkan hati mama, tercetus satu soalan di fikiranku, siapa perempuan sial itu yang hendak ayah bawa kahwin itu. Tidak menjadi masalah jika ayah ingin berkahwin lagi, susah sangatkah mendirikan masjid yang kedua itu secara sah. Susah sangatkah? Bagaimana ayah boleh membuatkan perempuan itu mengandung? Tidak terfikirkah ayah tentang balasan di akhirat nanti, mampukah ia menanggung dosa yang seberat itu. Kenapa ayah mewujudkan anak luar nikah?

Entahlah aku pun tidak faham situasi begini. Kusut fikiranku seperti sekusut benang yang sedang kusut. Aku pula memikirkan hal tentang diriku, adakah aku perlu menangguk tarikh perkahwinanku dengan Salleh.

Pernikahan ayah dengan perempuan itu pun akhir-

DI ANTARA adik-beradik aku yang paling rapat dengan mama. Mungkin di antara semua aku yang masih belum kahwin dan tambahan itu pula aku adalah anak bongsu. Pada malam itu, ketika aku hendak masuk tidur, tiba-tiba ada bunyi di dalam bilik kedua-dua orang tuaku. Jarak jauh bilik kami tidaklah jauh sangat. Bilikku di depan bilik mereka. Jam sudah menunjukkan pukul 11.30 malam. Aku hanya berdiam diri mendengar bunyi pecah di dalam bilik mereka.

nya berlangsung juga. Tidak ada seorang pun yang menghadiri majlis itu dari kalangan ahli keluargaku. Semuanya dari kawan-kawan rapatnya. Mungkin sama juga perangai ayah dengan mereka. Tidak kusangka dan tidak kuduga perempuan yang ayah kahwin ini adalah emak kepada Salleh, lelaki yang amat ku cintai.

Bagaimana ini boleh terjadi? Bagaimana aku ingin meneruskan kehidupan tanpa Salleh. Mungkin disebabkan itu perangai Salleh kebelakangan ini berlainan sekali, sebenarnya ia tahu perkara yang sebenarnya.

“Awu memang ku tau dengan siapa mama bernikah, aku pun nda sangka perkara ini berlaku. Mungkin salahku yang selalu meninggalkan mama keseorangan di rumah, aku pula asyik dengan kerja 'out station'ku. Tidak kuduga perkara sekeji ini berlaku. Bagaimana hubungan kita ini? Tidak akan ku lepaskan kau walau bermacam dugaan kuterima.”

Itulah kata-kata yang ku dengar dari Salleh, lelaki yang ku idamkan menjadi suamiku yang sah, itu pun jika konflik di antara ayah dengan emaknya tidak berlaku. Aku menyesal betul kerana tidak memberitahu tentang hubungan aku dengan Salleh kepada ayah. Mungkin perkara ini boleh dielakkan. Tapi semua itu telah berlaku, kita sebagai manusia biasa mempunyai kelemahan masing-masing, kita hanya tahu merancang, Allah yang menentukan segalanya kerana Dia Maha Besar dan Dia juga Maha Berkuasa.

Tiga minggu telah berlalu, hubungan aku dengan Salleh masih seperti biasa. Kami berdua tidak tahu bagaimana hendak menerima hakikat ini. Hakikatnya ialah Salleh adalah abang tiriku dan aku adalah adik tiri kepadanya. Hanya mara yang menentukannya. Tentang ayah dan mama tiri langsung tidakku peduli.



TAHNIAH ... Kontinjen negara ke Sukan SEA Ke-25, Laos bergambar ramai bersama Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd Ali.

Kontinjen Sukan SEA raih kejayaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Disember. - Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Temasya Sukan Asia Tenggara (SEA) Ke-25 di Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao pulang ke tanah air dengan yang membawa satu pingat emas, satu perak

dan lapan gangsa.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengalu-alukan kontinjen negara ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr.

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar

Haji Awang Ahmad serta pegawai-pegawai kanan dan para pegawai kementerian berkenaan.

Kontinjen negara yang diketuai oleh Awang Haji Mohd. Zamri bin Dato Pa-

duka Haji Hamdani, selaku Chief de Mission dengan seramai 29 atlet berada di tangga ke sepuluh mengalahkan pasukan Timur Timor yang hanya memperolehi tiga pingat gangsa untuk berada di tangga ter-

bawah di temasya sukan berprestij yang berlangsung sepuluh hari.

Dari tujuh acara yang disertai oleh kontinjen negara, acara silat menyumbang pingat terbanyak dengan satu pingat emas yang diraih oleh Awang Haji

Md. Khairul Bahrin bin Haji Duraman menerusi acara Pencak Silat Tunggal Lelaki dan tiga pingat gangsa.

Sementara itu acara wushu menyumbang satu pingat perak, satu pingat gangsa dan atlet karatedo

pula menyumbang empat pingat gangsa.

Kontinjen negara Thailand membuktikan keupayaan tersendiri dengan mengekalkan gelaran jaguh Sukan SEA apabila berjaya mengumpul sebanyak 266 pingat.

Tinjau operasi suntikan vaksin H1N1

"SUNTIKAN berkenaan diberikan kepada para pegawai dan kakitangan barisan hadapan kementerian berkenaan yang terdiri daripada para pegawai perubatan dan jururawat serta orang awam yang menghidap penyakit kronik."

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Disember. - Bagi meninjau lebih dekat lagi operasi suntikan vaksin Influenza A (H1N1), Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman telah membuat lawatan ke Pusat

Vaksinasi, Ong Sum Ping, di sini.

Suntikan berkenaan diberikan kepada para pegawai dan kakitangan barisan hadapan kementerian berkenaan yang terdiri daripada para pegawai perubatan dan jururawat serta orang awam yang menghidap penyakit kronik.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Pada 16 Disember lalu, pihak Kementerian Kesihatan menerima sejumlah 44,000 dos vaksin Influenza A (H1N1), iaitu merupakan penghantaran ketiga.

Bagi kemudahan orang ramai, Kementerian Kesi-

hatan telah menyediakan pusat-pusat Suntikan Vaksin Influenza A (H1N1) di keempat-empat daerah.

Bagi daerah Brunei dan Muara, Pusat Suntikan telah ditempatkan di Pusat Vaksinasi, Ong Sum Ping; Pusat Kesihatan Berakas

'A'; Kampung Anggerek Desa, Pusat Kesihatan Jubli Perak, Sengkurong dan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).

Manakala Pusat Suntikan bagi Daerah Belait ditempatkan di Hospital Suri Seri Begawan dan Pusat Kesihatan Sungai Liang, di Daerah Tutong pula di Hospital Pengiran Muda

Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam bagi Daerah Temburong.

Bagi sebarang pertanyaan umum mengenai Influenza A (H1N1), orang ramai bolehlah menghubungi talian 145 pada waktu bekerja atau 7180991 di luar waktu bekerja.

Orang ramai diingatkan amalkan kebersihan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Disember. - Kementerian Kesihatan telah menerima sebanyak 44,000 dos vaksin Influenza A (H1N1) yang merupakan penghantaran kali ketiga.

Menurut Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan, memandangkan jumlah yang terhad, kementerian tersebut akan mengutamakan pemberian suntikan kepada pesakit-pesakit berumur enam bulan ke atas

yang menghidap penyakit kronik.

Penyakit-penyakit tersebut adalah seperti penyakit paru-paru kronik, penyakit jantung kronik, penyakit buah pinggang kronik, penyakit hati kronik, penyakit neurologikal kronik, kurang daya imuniti dan penyakit kencing manis.

Buat masa ini, orang ramai yang termasuk dalam golongan yang disebutkan di atas dan mereka yang

akan membuat perjalanan ke negara-negara beriklim sejuk, boleh mendapatkan suntikan mereka pada waktu bekerja di Pusat Vaksinasi Ong Sum Ping.

Kementerian Kesihatan mengingatkan orang ramai untuk terus mengamalkan kebersihan diri yang baik bagi mengawal jangkitan ini dari merebak dengan kerap mencuci tangan dengan sabun dan air dan mengeringkan tangan menggunakan tuala pakai


buang atau alat pengering tangan.

Orang ramai juga diingatkan supaya menggunakan tisu tangan pakai buang yang mengandungi alkohol atau gel pembasmi kuman jika tiada kemudahan mencuci tangan selain menutup hidung dan mulut dengan kertas tisu apabila bersin atau batuk dan segera membuang tisu yang telah digunakan ke dalam tong sampah.

Bagi mereka yang mem-

punyai tanda-tanda influenza adalah dinasihati agar mengasingkan diri mereka dari orang lain, mengurangkan interaksi sosial dan segera berjumpa doktor untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan perubatan.

Untuk sebarang pertanyaan umum mengenai Influenza A (H1N1) orang ramai boleh menghubungi talian 145 pada waktu bekerja atau 7180991 di luar waktu bekerja.



SUNTIKAN vaksin Influenza A (H1N1) yang telah didatangkan ke negara ini disediakan oleh Kementerian Kesihatan di Pusat-pusat Suntikan Vaksin Influenza A (H1N1) di keempat-empat daerah. - Foto: Hatral Hazmi Abd. Hamid.

سموڤ تاهون ١٤٣١ هجره ممباوا كبركتن كقد نكارا، بغسا

SEMOGA TAHUN 1431 HIJRIAH MEMBAWA KEBERKATAN KEPADA NEGARA, BANGSA

دترپتكن اوله جباتن فنراغن، جباتن فردان منتری دان دچیتق اوله جباتن فرچیتقن كراجان، نكارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.